

**PERKEMBANGAN INSTITUSI ADAT LINGKUNGAN SERI MENANTI
DAN PERANANNYA DALAM MASYARAKAT**

NOOR HAYATI IBRAHIM

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PERKEMBANGAN INSTITUSI ADAT LINGKUNGAN
SRI MENANTI DAN PERANANNYA DALAM MASYARAKAT

OLEH

NOOR HAYATI BTE HAJI IBRAHIM

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN KEPADA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-
SYARAT IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH.

"KESELURUHAN LATIHAN ILMIAH INI DITULIS DENGAN
PERKATAAN SAYA SENDIRI, MELAINKAN NUKILAN-
NUKILAN YANG MANA TELAH SAYA AKUI TIAP-TIAP
SATUNYA".

JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR

1986/1987

Sekalung kasih ku abadikan buat

"abah yang sentiasa sabar mendoakan

emak yang sentiasa berkorban

kakak-kakak yang tenang menanti penuh harapan

abang-abang yang tak sunyi memberi dorongan

satu-satunya adikku yang turut berjuang..."

Setiap pengorbanan kalian

emas permata tidak ternilaikan

segalanya kepada Allah ku serahkan.

SINOPSIS

Sebagaimana yang dapat dilihat pada tajuk tesis ini, tumpuan kajian adalah berhubung dengan perkembangan institusi Adat Lingkungan yang diamalkan oleh masyarakat Seri Menanti. Sejarah awal pembentukan institusi adat akan diperbincangkan supaya dapat menggambarkan titik tolak perkembangan adat ini selanjutnya. Kajian ini menjangkau dari pembentukan Adat Perpatih dan Adat Temenggung di Minangkabau membawa kepada pembentukan institusi Adat Lingkungan di Seri Menanti.

Bab I menjelaskan tentang sejarah Seri Menanti sebagai latarbelakang pengenalan kepada pembaca. Sebagai pengenalan disentuh juga mengenai kedudukan geografi Seri Menanti serta struktur dan sistem sosial masyarakatnya.

Bab 2 akan menghuraikan sejarah salasilah keturunan raja-raja Negeri Sembilan dan asal usul golongan pemimpin adat. Perlantikan golongan pemimpin adat khususnya Buapak dan Lembaga juga akan disentuh termasuklah cara-cara dan syarat-syarat perlantikan, keistimewaan-keistimewaan yang diperolehi serta kedudukan dan peraturan mereka.

Bab 3 menghuraikan tentang tugas dan peranan pemimpin adat dalam dua situasi. Situasi pertama ialah peranan mereka dalam masyarakat Adat Lingkungan

itu sendiri dengan tumpuan kepada peranan dalam perlantikan ketua adat, pembahagian harta dan persemendaan. Situasi kedua ialah peranan mereka berhubung dengan adat istiadat di Istana seperti adat peminangan, perkahwinan dan yang berkaitan dengannya.

Bab 4 adalah analisa berkenaan dengan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan tradisi elit ini dalam pembangunan masyarakat Seri Menanti. Perubahan-perubahan dan pembangunan sedikit sebanyak telah merubah nilai dan sikap masyarakat Adat Lingkungan dan secara tidak langsung menggugat pengaruh golongan pemimpin adat ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PRAKATA

Penulis sangatlah merasa terhutang budi dan menjunjung tinggi bimbingan Drs. Abdul Murat Mat Jan selaku penyelia yang amat sabar dan teliti. Beliau telah memberikan kerjasama dan tunjuk ajar penuh kepada penulis sepanjang kajian ini dijalankan serta telah memberikan ulasan yang terperinci dalam setiap draf tesis yang diserahkan kepada beliau untuk disemak. Bagi penulis beliau dianggap sebagai penyelia par excellence yang harus dibanggakan. Dengan ini penulis ingin mengatitkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga terhadap beliau sebagai penyelia dalam penyelidikan ini.

Penulis tidak lupa pula mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pejabat Tanah Daerah Kuala Pilah dan Pejabat Ukur Seremban yang telah memberikan pertolongan untuk mendapatkan bahan kajian. Ucapan yang sama turut dihulurkan kepada pihak Arkib Negara dan kepada semua perpustakaan yang telah digunakan.

Penulis juga terhutang budi kepada Yang Amat Mulia Tunku Alang Astor bin Tunku Sharif iaitu Penyelia Adat yang sudi meluangkan masa untuk berbincang serta memberikan pandangan yang berguna dalam penulisan ini. Seterusnya ingin saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Datuk Penghulu Dagang, Datuk Besar Meon,

Tuan Haji Mohd. Nor, Datuk Panglima Jaya Hassan dan kepada semua yang terlibat menjayakan kajian ini.

Akhir sekali penulis berterima kasih kepada emak, abah, serta keluarga seluruhnya yang telah memberi dorongan dan inspirasi untuk menyiapkan tesis ini.

Oleh yang demikian penulis merasakan bahawa penulisan ini sedikit sebanyak merupakan hasil kerjasama yang telah dicurahkan oleh mereka yang disebutkan dan jasa baik mereka tetap tidak akan dilupakan.

Noor Hayati Haji Ibrahim
Jabatan Sejarah
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi.
1986/1987

KEPENDEKAN

Bil	:	Bilangan
DBP	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
DYMM	:	Duli Yang Maha Mulia
FMS	:	Federal Malay States
h.	:	Halaman
Jil.	:	Jilid
JMBRAS	:	Journal of Malayan/Malaysian Branch, Royal Asiatic Society
JSBRAS	:	Journal of the Straits Branch, Royal Asiatic Society
K/K	:	Kertas Kerja
Ltd.	:	Limited
MSRI	:	Malaysia Sociological Research Institute
p/pp	:	page
PMS	:	Papers on Malay Subject
Pt.	:	Part
Vol.	:	Volume
YAM	:	Yang Amat Mulia
YM	:	Yang Mulia
YMM	:	Yang Maha Mulia

<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
Sinopsis	i - ii
Prakata	iii - iv
Kependekan	v
Kandungan	vi - vii
Senarai Jadual/Rajah	vii
Senarai Peta	ix
Senarai Gambar	x
Pendahuluan	1
BAB 1 PENGENALAN	6
A. Kedudukan Geografi Seri Menanti	10
B. Sejarah Pembukaan Seri Menanti	13
C. Sistem Sosial Seri Menanti	32
D. Latarbelakang Pembentukan Institusi Adat	47
E. Ciri-ciri Khas Adat Lingkungan	67
BAB 2 SALASIAH KETURUNAN GOLONGAN PEMERINTAH DAN PEMIMPIN ADAT LINGKUNGAN	73
A. Salasilah Keturunan Raja-raja Negeri Sembilan	75
B. Kedudukan Yamtuan	84
C. Sejarah Perlantikan Pembesar Adat Lingkungan	86
D. Struktur dan Kedudukan Pembesar Adat Lingkungan	94
E. Peraturan Pembesar Adat Lingkungan	108

<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
BAB 3 TUGAS DAN PERANAN PEMIMPIN ADAT DALAM MASYARAKAT ADAT LINGKUNGAN DAN ADAT ISTIADAT ISTANA	115
A. Peranan Pemimpin Adat Dalam Masyarakat Adat Lingkungan	119
B. Peranan Pemimpin Adat Dalam Adat Istiadat Istana	142
BAB 4 PERKEMBANGAN PENGARUH DAN PERANAN ELIT TRADISI DALAM CABARAN PEMBANGUNAN	161
BAB 5 PENILAIAN DAN KESIMPULAN	179
Bibliografi	196
Senarai Responden	199
Lampiran/Appendix	204

<u>SENARAI JADUAL/RAJAH</u>	<u>HALAMAN</u>
Rajah 1 - Teori Hirarki Keinginan Maslow	50
Rajah 2 - Proses Kewujudan Hukum Adat	54
Rajah 3 - Salasilah Raja-Raja Negeri Sembilan	83
Rajah 4 - Struktur Pemerintahan N. Sembilan	103
Rajah 5 - Struktur Pegawai-Pegawai Istana	104
Rajah 6 - Struktur Pembesar Adat Lingkungan	105
Jadual 1 - Senarai Pembesar Suku-Suku Adat Lingkungan	106

SENARAI PETAHALAMAN

Peta 1 - Peta Negeri Sembilan	219
Peta 2 - Peta Mukim Sri Menanti	220
Peta 3 - Luak Tanah Mengandung	221

SENARAI GAMBARHALAMAN

Gambar 1	-	Panca Persada	153
Gambar 2	-	Orang Empat Istana	222

PENDAHULUAN

Pengkajian ini adalah bertujuan untuk mengungkapkan kembali perkembangan institusi Adat Lingkungan disekitar perkarangan Istana Seri Menanti serta menganalisa peranan golongan pemimpinnya dalam masyarakat. Mungkin ramai yang masih tidak mengetahui tentang kewujudan Adat Lingkungan dalam suasana masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Perlu ditegaskan bahawa adat yang diamalkan oleh masyarakat Seri Menanti ini dinamakan Adat Lingkungan yang terdapat sedikit sebanyak perbezaannya dengan Adat Perpatih kerana mereka mengamalkan Adat Temenggung dalam beberapa aspek kehidupannya. Tambahan pula Adat Lingkungan ini hanya tertumpu dalam lingkungan atau kawasan Seri Menanti sejak awal kewujudannya.

Pada pandangan penulis penggunaan perkataan 'Adat Lingkungan' bermaksud hanya suku-suku dalam lingkungan tertentu sahaja yang mengamalkan adat tersebut. Suku-suku ini dikenali sebagai Lingkungan Air Kaki yang dari segi sejarahnya mempunyai hubungan kekerabatan dengan Yamtuan Negeri Sembilan. Seri Menanti juga dikenali sebagai Tanah Lingkungan atau Tanah Mengandung di mana Yamtuan berkuasa penuh ke atasnya.

Adalah merupakan satu perkara yang menarik bagi penulis untuk menumpukan perhatian dalam menganalisa

secara terperinci mengenai institusi Adat Lingkungan di tengah-tengah Adat Perpatih kerana setakat ini tidak ada kajian atau penulisan yang dibuat secara khusus dan mendalam tentang institusi adat tersebut. Dalam kajian ini penulis cuba memperlihatkan tentang latarbelakang pembentukan institusi adat, struktur dan kedudukan pemimpin-pemimpin adat, tugas serta peranan dan cabaran-cabaran yang dihadapi.

Memang terdapat beberapa kajian yang telah dibuat oleh para sejarawan sama ada sejarawan tempatan mahupun sejarawan asing mengenai sejarah Negeri Sembilan. Antara lain kajian Datuk Abdul Samad Idris, Dr. Nordin Selat, Taha Abdul Kadir, R.J. Wilkinson, M.B. Hooker, Josselin de Jong dan lain-lain lagi, yang melihat dari pelbagai aspek seperti sosio-politik, ekonomi, budaya serta menyentuh soal adat yang menjadi amalan masyarakat Negeri Sembilan. Akan tetapi belum terdapat penelitian khusus tentang institusi Adat Lingkungan di Seri Menanti.

Apabila menyebut tentang adat di Negeri Sembilan maka akan tergambar di dalam pemikiran seseorang tentang Adat Perpatih yang telah diamalkan turun temurun yang telah di bawa oleh penghijrah-penghijrah awal dari Minangkabau beberapa kurun yung lalu. Walau bagaimanapun dalam pengkajian ini penulis tidak membincangkan dengan panjang lebar tentang Adat Perpatih

ini memandangkan tinjauan serta penyelidikan tentang adat tersebut telah banyak dilakukan oleh para peneliti dan sejarawan. Namun begitu beberapa aspek dalam Adat Perpatih akan dikemukakan untuk memperlihatkan perbezaannya dengan Adat Lingkungan yang menjadi fokus kajian penulis.

Adat Lingkungan ini hanya diamalkan oleh beberapa suku di kampung-kampung yang terletak di sekitar perkarangan Istana Seri Menanti. Suku-suku tersebut ialah Suku Batu Hampar, Suku Tanah Datar, Suku Seri Lemak Pahang, Suku Seri Lemak Minangkabau dan Suku Tiga Batu. Kelima-lima suku tersebut dikenali sebagai Lingkungan Air Kaki Yamtuan yang diletakkan di bawah pentadbiran Lembaga masing-masing.

Seri Menanti sebagaimana yang diketahui umum adalah merupakan pekan di raja Negeri Sembilan dan di sinilah bersemayamnya DYMM sejak mula kawasan ini diletakan di bawah pentadbiran Yamtuan pertama iaitu Raja Melewar. Tetapi satu keunikan yang mungkin menjadi persoalan ialah tentang adat yang diamalkan oleh masyarakat Seri Menanti iaitu Adat Lingkungan sedangkan masyarakat di sekelilingnya mengamalkan Adat Perpatih. Oleh yang demikian mengingatkan penulis kepada pandangan Profesor Khoo Kay Kim yang menyatakan, "... apa yang berlaku di peringkat kebangsaan memang merupakan sesuatu yang penting untuk dikaji ... tetapi di samping itu apa

yang berlaku di sesuatu tempat yang lebih kecil tidak boleh juga diketepikan kerana masyarakat memang terdiri daripada beberapa bahagian yang tiap-tiap satunya memperlihatkan sifat-sifat yang agak tersendiri".

Seterusnya dari segi metodologi penulis menggunakan bahan-bahan rujukan dari perpustakaan dan fail-fail rasmi Arkib Negara. Penulis juga menjalankan kaedah temuduga atau temubual dengan pembesar-pembesar Istana khususnya Orang Empat Istana yang berperanan sebagai ketua atau Lembaga Adat Lingkungan. Temubual juga dilakukan ke atas pembesar-pembesar adat yang lain serta beberapa penduduk Seri Menanti yang arif mengenai soal Adat Lingkungan ini.

Di samping itu penulis juga mendapatkan maklumat melalui pengamatan dan pengalaman secara langsung semasa bergaul dengan masyarakat di tempat kajian. Bagi adat istiadat Istana selain dari mendapat maklumat melalui temubual dengan para pembesar Istana, penulis juga telah mendapat kesempatan menyaksikan sendiri beberapa istiadat khususnya istiadat bersanding dan bersiram semasa perkahwinan Putera DYMM iaitu Yang Amat Mulia Tunku Muda Serting pada 19 dan 21hb. Februari 1987. Dengan pengalaman ini penulis dapat melihat dengan lebih jelas beberapa peraturan adat istiadat di raja untuk dijadikan sebagai dasar penulisan.

Selanjutnya, dalam bidang penulisan dan kajian

memang seringkali bertemu dengan masalah yang sukar dielakkan. Dalam penulisan ini penulis mendapati kurangnya sumber-sumber atau dokumen yang mengemukakan tentang institusi Adat Lingkungan ini dengan jelas dan nyata. Kebanyakan penulis yang terdahulu seperti Wilkinson dan Hooker misalnya hanya menyentuh secara sambil lalu sahaja mengenai masyarakat Adat Lingkungan Seri Menanti dalam penulisan mereka tanpa mengupas secara terperinci tentang adat ini. Bagi penduduk-penduduk Seri Menanti sendiri ada di antara mereka yang kurang arif tentang adat mereka sendiri lantaran perubahan-perubahan yang dialaminya. Haruslah juga diketahui bahawa adat merupakan satu aspek yang sensitif untuk diperbincangkan. Justeru itu untuk membicarakan tentang adat khususnya Adat Lingkungan yang merupakan campuran Adat Perpatih dan Adat Raja (Adat Temenggung) haruslah dilakukan dengan teliti dan berhati-hati. Tambahan pula adat bukanlah sesuatu yang tersurat seperti perlembagaan negara tetapi ia tersirat dalam jiwa penganutnya yang dicerminkan melalui kata-kata perbilangannya itu sendiri.

Akhirnya adalah menjadi harapan penulis agar kajian tentang institusi Adat Lingkungan ini akan diteruskan oleh para pengkaji sejarah pada masa-masa yang akan datang. Sekiranya terdapat beberapa kelemahan dalam penulisan ini adalah disebabkan oleh kekurangan penulis sendiri yang perlu diperbaiki.

BAB 2

PEMERINTAH

SALASILAH KETURUNAN GOLONGAN / DAN PEMIMPIN ADAT

LINGKUNGAN

Dalam sistem politik tradisional Melayu lazimnya puncak kekuasaan sesebuah negara atau golongan pemerintahnya bergelar Yang di Pertuan, Raja atau Sultan. Peranan Yang di Pertuan ialah ^{sebagai} lambang Kedaulatan ^{dan} memelihara perpaduan rakyat. Sebagai ketua negara yang berketurunan diraja ia seringkali dikaitkan dengan kuasa sakti yang dikatakan berdaulat. Konsep kedaulatan diraja ini telah menjadi satu unsur kepercayaan masyarakat Melayu sejak turun temurun untuk melahirkan sifat kemuliaan terhadap Raja. Kesucian seseorang Raja itu juga dihubungkan dengan alat-alat kebesaran serta peraturan-peraturan khas dalam segala aspek kehidupannya yang tidak ada pada seseorang rakyat biasa.

Bagi menyempurnakan segala peraturan dan pentadbiran negeri lazimnya terletak di atas bahu golongan pembesar yang dilantik oleh seseorang Raja. Sebagai golongan pemerintah perlantikan seseorang Raja dan juga pembesar itu haruslah diteliti dengan mendalam bagi kepentingan masa depan masyarakat yang dipimpin. Dalam masyarakat tradisi pemilihan seseorang pemimpin itu haruslah dengan syarat-syarat seperti mempunyai latarbelakang yang elok dan berasal dari keturunan yang baik-baik. Oleh itu tidak hairanlah jika pembesar-

pembesar Negeri Sembilan dahulu sanggup menyeberangi Selat Melaka menuju ke Pagarruyung semata-mata untuk mendapatkan seorang Raja yang dianggap paling layak memimpin masyarakat Negeri Sembilan ketika itu. Dalam bab ini penulis akan membincangkan tentang sejarah keturunan Raja-raja Negeri Sembilan serta pembesar-pembesar Adat yang memainkan peranan penting dalam mengatur dan menyempurnakan segala aspek kehidupan masyarakat.

Perbincangan mengenai Salasilah Raja-raja Negeri Sembilan begini adalah bertujuan untuk menyingkap keturunan Yamtuan Negeri Sembilan yang dikatakan berasal dari Pagarruyung iaitu sebuah daerah Mingkabau yang mengamalkan Adat Temenggung. Di samping itu Adat Lingkungan dikatakan telah wujud sejak Yamtuan Negeri Sembilan yang pertama dan bilangan suku yang mengamalkannya semakin bertambah semasa pentadbiran Raja-raja yang kemudiannya.

Selanjutnya di dalam masyarakat Adat Lingkungan kedudukan Yamtuan adalah diperingkat yang paling atas sekali. Sebagai pemimpin yang berkuasa di Seri Menanti, baginda bertanggungjawab melantik pegawai-pegawai Istana menurut kehendak baginda di samping mengikut syarat-syaratnya yang tertentu.¹

¹ Syarat-syarat untuk menjadi pemimpin akan dinyatakan dalam bahagian D.

Pegawai-pegawai itu termasuklah Orang Empat Istana dan lain-lain Lembaga Adat Lingkungan yang mempunyai peranannya masing-masing terutama dalam hal ehwal adat istana dalam Istana.²

A. Salasilah Keturunan Raja-raja Negeri Sembilan.

Telah dinyatakan dalam bab yang lepas bahawa penduduk Seri Menanti suatu masa dahulu adalah di bawah pengawasan ketua suku masing-masing yang disebut sebagai Buapak dan Datuk Lembaga dan tidak ada ketua atau Penghulu yang lebih tinggi tarafnya dari Datuk-datuk Lembaga tersebut. Sementara itu Kesultanan Johor menghadapi beberapa kekacauan yang ditimbulkan oleh orang-orang Belanda dan orang-orang Bugis. Keadaan ini menyebabkan Sultan Johor tidak mampu mengawasi kawasan Negeri Sembilan dengan sewajarnya. Oleh itu Datuk-datuk di Negeri Sembilan mengemukakan hasrat kepada Sultan Johor untuk mengadakan pucuk pimpinan bagi Datuk-datuk Lembaga. Tambahan pula syarat-syarat untuk mewujudkan sebuah negara telah ada di mana isi dan kelengkapan telah pun siap. Keinginan orang Minang ini telah diizinkan oleh Sultan Abdul Jalil Ibni Bendahara Tun Habab, Sultan Johor ketika itu.³

² Peranan pembesar atau pemimpin adat akan dibincangkan dalam bab 3.

³ Ali Majod, "Raja Melewar sebagai Yamtuan Negeri Sembilan Yang Pertama" ^{Fusaka} Jil.1, bil.1, Mac 1965, h.11.

Antara tahun 1760 - 1770 berangkatlah satu perutusan pemegang-pemegang adat dari Negeri Sembilan menuju ke Pagarruyung untuk mendapatkan seorang Raja. Mereka melantik Panglima Bandan dan Panglima Bandot sebagai wakil untuk pergi ke Minangkabau menjemput Raja yang berketurunan Pagarruyung.⁴ Sultan Pagarruyung yang ketika itu juga bernama Sultan Abdul Jalil telah memperkenankan putera baginda sendiri Raja Mahmud untuk menjadi Raja di Negeri Sembilan.⁵ Raja Mahmud atau Raja Melewar dibekalkan oleh Ayahandanya dengan 40 orang ahli pertikaman yang handal-handal dan apabila angkatan ini singgah di Siak, Sultan Siak telah membekalkan pula dengan 40 orang lagi ahli pertikaman yang handal-handal juga.⁶

Perlu dinyatakan di sini bahawa sebelum Raja Melewar bertolak ke Negeri Sembilan, Raja Khatib terlebih dahulu telah dihantar untuk menyediakan persiapan bagi menyambut kedatangan baginda kelak ke Negeri Sembilan. Dalam perjalanan ke Negeri Sembilan

⁴ ibid.

⁵ Raja Mahmud dikenali juga sebagai Raja Melewar. Gelaran ini diberi kerana semasa kedatangannya baginda suka melawat atau melewar-lewar ke beberapa tempat seperti Siak Inderaputera, Johor, Melaka dan lain-lain kemudian baru tiba ke Negeri Sembilan. Abdul Samad Idris, Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaannya, Pustaka Asas Negeri, 1970, h.23.

⁶ Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya., h.22.

Raja Melewar telah menghadapi peperangan dengan orang-orang Bugis yang diketuai oleh Daeng Kemboja. Setelah mengalahkan Daeng Kemboja, Raja Melewar terus menuju ke Rembau. Raja Melewar telah ditabal di Penajis, Rembau dan kemudiannya pindah ke Seri Menanti pada tahun 1773. Dari sinilah timbulnya perbilangan :

Tanah Kerjan⁷ di Penajis
Tanah Mengandung di Seri Menanti⁸

Di Seri Menanti Raja Melewar menghadapi pula peperangan dengan Raja Khatib yang menjadi utusan ayahandanya dahulu. Raja Khatib telah belot dan mengakui dirinya sebagai Raja serta berjaya mempengaruhi Datuk Penghulu Naam, Penghulu Luak Muar. Raja Khatib juga memperisterikan seorang daripada anak Penghulu Naam yang bernama Warna Emas. Dalam peperangan ini Raja Khatib telah berjaya ditewaskan oleh Raja Melewar.

Di Seri Menanti Raja Melewar bersemayam di sebuah Istana sementara yang dipanggil 'Barong-barong'.⁹ terletak di satu kawasan bernama Ampang Rambai.

⁷ Kerjan ertinya Tabal.

⁸ Tanah Mengandung iaitu tanah yang dipunyai sendiri oleh Yamtuan Seri Menanti. Buyong Adil, Sejarah Negeri Sembilan., h.46.

⁹ Tempat ini terletak di seberang sawah yang bertentangan dengan Istana yang ada sekarang dan tapak bekas bangunannya masih kedapatan lagi hingga sekarang. Abdul Samad Idris, Takhta Kerajaan., h.25.

Alat Kebesaran yang di bawa oleh Raja Melewar dari Pagarruyung semasa kedatangannya ke Seri Menanti berupa sehelai rambut yang dilingkar memenuhi sebuah batil. Menurut Encik Samsuddin bin Husin, kenyataan tentang rambut yang di bawa oleh Raja Melewar itu adalah benar. Menurut beliau semasa Yamtuan Muhammad (Yamtuan N. Sembilan ke 7) memerintah, alat kebesaran tersebut terletak di tingkat empat Istana Lama Seri Menanti iaitu ketika baginda menduduki Istana itu. Pada masa sekarang alat kebesaran itu telah dipindahkan ke Istana Besar dan disimpan di tingkat atas sekali.¹⁰

Selepas kemangkatan Raja Melewar pada tahun 1795, para pemegang adat Negeri Sembilan sekali lagi mengirim perutusan ke Minangkabau untuk mendapatkan seorang lagi Sultan atau Raja yang baru. Hasrat perutusan ini dipenuhi untuk kali keduanya oleh Raja Pagarruyung dengan menghantarkan seorang lagi puteranya bernama Raja Hitam. Raja Hitam juga ditabalkan di Penajis dan kemudian barulah datang ke Seri Menanti. Raja Hitam berkahwin dengan Tengku Aishah puteri Almarhum Raja Melewar. Oleh kerana tidak beroleh anak, baginda berkahwin dengan orang kebanyakan bernama Jingka dan memperolehi tiga orang putera dan seorang puteri iaitu Tengku Alang Husin, Tengku Ibrahim, Tengku Awi dan Tengku Ngah (perempuan).

¹⁰ Temubual dengan Encik Samsuddin bin Husin, di Kampung Buyau, Seri Menanti, pada 30.11.1986.

Setelah Raja Hitam mangkat pada tahun 1808, orang-orang besar Negeri Sembilan tidak melantik anak Raja hitam sebagai Sultan tetapi sekali lagi dikirim perutusan ke Minangkabau untuk mendapatkan seorang Raja baru dari Pagarruyung. Kali ini seorang lagi raja dihantar ke Seri Menanti iaitu Raja Lenggang. Raja Lenggang berkahwin dengan Tengku Ngah iaitu Puteri Almarhum Raja Hitam dan memperolehi dua orang putera iaitu Tengku Radin dan Tengku Imam.

Raja Lenggang adalah Raja yang terakhir didatangkan dari Minangkabau. Selepas kemangkatan Raja Lenggang puteranya Raja Radin yang lahir di Negeri Sembilan dilantik sebagai Raja oleh pemegang-pemegang adat Negeri Sembilan dan tidak lagi memjemput Raja dari Pagarruyung sehinggalah sekarang. Raja Radin memerintah selama 37 tahun iaitu dari tahun 1824 hingga 1861. Baginda mempunyai seramai enam orang isteri dan dikurniai 14 orang putera dan puteri. Selama pemerintahan Raja Radin tidak ada perubahan besar yang berlaku dalam negeri.¹¹

Setelah Raja Radin mangkat diganti pula oleh adindanya Raja Imam yang memerintah selama lapan tahun iaitu dari 1861 hingga 1869. Yamtuan Imam dikenali juga sebagai Tengku Janggut kerana usianya yang terlalu lanjut ketika menjadi Yamtuan Negeri Sembilan. Baginda

¹¹

M. Rashid Manggis, Negeri Sembilan., h.105.

berkahwin dengan Enche Normah dan memperolehi enam orang anak iaitu Tengku Ahmad Tunggal, Tengku Cindai, Tengku Ulin, Tengku Alam, Tengku Jumaat dan Tengku Maadin.¹²

Selepas kemangkatan Yamtuan Imam berlaku perbalahan antara putera-puteranya untuk menjadi Yamtuan Negeri Sembilan. Seorang daripada puteranya iaitu Tengku Ahmad Tunggal menuntut untuk menjadi Raja dan beliau mendakwa bahawa dialah yang layak untuk menaiki takhta. Namun begitu dakwaan baginda tidak mendapat persetujuan daripada Orang-orang Besar dan Penghulu-penghulu Luak kerana tingkahlakunya yang tidak disenangi oleh rakyat. Dalam pada itu seorang Orang Besar bernama Kahar bergelar Datuk Siamang Gagap telah mengangkat Tunku Puan Intan balu Yamtuan Radin sebagai pemangku Raja sementara Datuk-datuk Penghulu Luak mencari penyelesaian untuk mencari pengganti Raja.

Pada tahun 1872 Tengku Antah putera bungsu Almarhum Yamtuan Radin telah sebulat suara diterima dan dilantik sebagai Yamtuan Negeri Sembilan menggantikan Yamtuan Imam. Sebelum itu kekandanya Tengku Lintau telah ditawarkan menjadi Raja tetapi ia menolak kerana ia tidak begitu suka mencampuri hal ehwal negeri. Dikatakan Tengku Besar Lintau ini seorang yang alim dan lebih suka beramal ibadat sahaja daripada memikul tanggungjawab kerajaan yang berat.¹³

¹² Abdul Samad Idris, Takhta Kerajaan., h.32.

Tengku Ahmad Tunggal yang gagal menjadi Raja itu telah menemui Datuk Kelana Syed Abdul Rahman di Sungai Ujong untuk meminta bantuan memerangi Yamtuan Antah. Tengku Ahmad Tunggal berjanji dengan Datuk Kelana, sekiranya ia berjaya menjadi Raja, seorang daripada anak Datuk Kelana akan diangkat menjadi Yamtuan Muda Rembau.¹⁴ Ketika ini pengaruh British telah mula menular di Sungai Ujong, di mana Datuk Kelana telah meminta bantuan daripada British untuk memerangi Yamtuan Antah. Akhirnya dalam tahun 1874 Yamtuan Antah mengalami kekalahan dan lari ke Johor memberitahu Sultan dan Gabenor British di Singapura mengenai peperangan tersebut. Dalam peperangan inilah musnahnya Istana kediaman Yamtuan Antah. Gabenor British membuat keputusan bahawa Yamtuan Antah hanya menjadi raja di Seri Menanti, manakala Sungai Ujong diserahkan kepada Datuk Kelana.

Yamtuan Antah memerintah sehingga tahun 1888 dan kemudiannya diganti oleh puteranya Tuanku Muhammad yang ketika itu telah menjadi Tengku Besar Negeri Sembilan. Dalam masa pemerintahan Yamtuan Muhammad, Negeri Sembilan telah disatukan kembali. Undang Yang Empat memainkan peranannya menabalkan Yang Maha Mulia Tuanku

¹³ Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya., h.111.

¹⁴ ibid., h.28.

Muhammad menjadi DYMM Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan dalam satu perjanjian yang termaktub pada 20hb April 1898.¹⁵

Setelah Yang di Pertuan Besar Muhammad mangkat pada tahun 1933, putera tunggal baginda Tuanku Abdul Rahman¹⁶ menaiki takhta kerajaan Negeri Sembilan sehingga tahun 1960. Dengan kedatangan raja-raja dari Minangkabau sehingga Tengku Radin menjadi raja Pertama yang lahir di Negeri Sembilan hingga sekarang ini; dapatlah diperturunkan nama-nama Raja yang memerintah Negeri Sembilan sebagai berikut;¹⁷

1.	Raja Melewar	1773 - 1795
2.	Raja Hitam	1795 - 1808
3.	Raja Lenggang	1808 - 1824
4.	Raja Radin	1824 - 1861
5.	Yamtuan Imam	1861 - 1869
	Tengku Ampuan Intan (pemangku)	1869 - 1872
6.	Yamtuan Antah	1872 - 1888
7.	Tuanku Muhammad	1888 - 1933
8.	Tuanku Abdul Rahman	1933 - 1960
9.	Tuanku Munawir	1960 - 1967
10.	Tuanku Jaafar	1967 - hingga sekarang

Ternyata bahawa hubungan antara Negeri Sembilan dengan Minangkabau telah terjalin sejak beberapa kurun yang lalu. Kedatangan Raja Melewar yang dijemput merajai Negeri Sembilan pada tahun 1773 telah menambahkan lagi bilangan orang-orang Minangkabau


¹⁵ M. Rasjid Manggis, Negeri Sembilan., h.113.

¹⁶ Tuanku Abdul Rahman juga telah dilantik sebagai DYMM Yang di Pertuan Agong yang Pertama selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

¹⁷ Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya., h.26.

Rajah 3: Salasilah Raja-raja Negeri Sembilan¹⁸

PERTALIAN DI-RAJA



¹⁸ M.B. Hokker, "The Relationship Between The Adat And State Constitutions of Negeri Sembilan" JMBRAS, Vol. 42, Pt. 2, 1969, h. 171.

berhijrah ke Negeri Sembilan. Di Negeri Sembilan telah wujud sebuah kerajaan yang rajanya di~~dat~~datangkan khas dari Minangkabau sehingga pentadbiran negeri yang menurut Adat Papatih dan Adat Temenggung dapat dijalankan sebagai satu cara hidup orang-orang Negeri Sembilan sehingga kini.

B. Kedudukan Yamtuan

Jawatan Yamtuan bermula pada tahun 1773 apabila Raja Melewar yang dijemput dari Pagarruyung dilantik sebagai Yamtuan Negeri Sembilan yang pertama. Sebelum itu Negeri Sembilan ditadbir di bawah kerajaan Johor melalui Penghulu-penghulu dan Datuk-datuk Lembaga yang dilantik untuk memerintah kawasan atau luak masing-masing.

Pada peringkat awalnya dahulu jawatan Yamtuan ini tidaklah menurut keturunan dan apabila Yamtuan mangkat maka dijemputlah seorang lagi gantinya dari Pagarruyung. Tetapi keadaan ini hanya berlanjutan sehingga Yamtuan yang ketiga sahaja dan Dinasti Seri Menanti pun bermulalah dari Yamtuan keempat iaitu Yamtuan Radin (1824 - 1861). Setelah Yamtuan Radin mangkat baginda diganti oleh adiknya Tengku Imam dan seterusnya oleh keturunan baginda. Jawatan Yamtuan ini turun temurun cuma dalam erti kata bahawa yang berhak ialah keturunan lelaki daripada Yamtuan Radin. Ini bermakna perlantikan Yamtuan adalah dikira daripada nisab bapa sahaja.

Pemilihan ini dilakukan oleh Undang Yang Empat daripada calun-calun yang layak dari keturunan Yamtuan Radin.

Di samping itu juga pada suatu masa dahulu pengesahan daripada Johor, Siak, Minangkabau, Naning dan Melaka adalah perlu dalam perlantikan setiap Yamtuan. Tetapi kekuasaan Undang dalam pemilihan Yamtuan telah ditegaskan dalam tahun 1895 dan peraturan ini terus dikekalkan dalam perlantikan Yamtuan Besar Negeri Sembilan yang selanjutnya. Dengan itu pengesahan daripada Johor, Siak, Minangkabau, Naning dan Melaka tidak lagi diperlukan atau tidak lagi menjadi satu kemestian. Justeru itu ia memperlihatkan status Yamtuan sebagai pemimpin Seri Menanti. Umpamanya dalam Fasal IV Perjanjian Seri Menanti (Seri Menanti Agreement) pada 4 Jun 1887 telah ditegaskan sebagai berikut: -

The Government of Her Majesty the Queen and Empress acknowledges Engku Besar Muhammad the son of Tengku Antah to be his successor as Yamtuan of Seri Menanti and ¹⁹his legitimate successors after him.

Kedudukan Yamtuan juga begitu jelas diperlihatkan melalui kenyataan berikut:

The King does not own the soil nor can he levy imposts...he is only the fountain of justice and can claim 9 civil list. The civil list was framed on rather frugal lines, 'from every household 9 gallen of rice and a trio of coconut'.²⁰

¹⁹ R.J. Wilkinson, Seri Menanti., h.371.

²⁰ ibid.

Ini bermakna Raja hanya menjadi lambang keadilan sahaja dan mendapat hasil daripada kutipan yang disebut 'Mas Mannah'.²¹

Perlu juga dinyatakan di sini bahawa keluarga diraja Seri Menanti (atau Negeri Sembilan umumnya) adalah mengikut susurgalur dari kedua ibubapa tetapi lebih menitik beratkan kepada bapa. Dengan itu pewarisan harta dalam lingkungan kerabat diraja adalah mengikut hukum Islam atau Sistem faraid.

C. Sejarah Perlantikan Pembesar Adat Lingkungan

Dalam bahagian ini perbincangan akan dibuat mengenai hal-hal yang berhubungan dengan pemimpin-pemimpin adat lingkungan. Sebelum berbicara dengan lebih lanjut mengenai hal-hal yang berkaitan dengan pemimpin adat ini terlebih dahulu kita harus memahami apakah yang dimaksudkan dengan pemimpin itu. Secara tradisi apa yang dikatakan pemimpin dalam Adat Lingkungan itu meliputi ketua-ketua adat seperti Yang di Pertuan Besar, Lembaga Buapak dan Orang-orang Besar yang lain.

Dalam masyarakat Adat Lingkungan setiap suku itu mempunyai ketuanya yang disebut lembaga. Bukan hanya di

²¹ Kenyataan ini telah dinyatakan dengan jelas pada halaman 26. Perlu difahamkan bahawa kedudukan Yang di Pertuan Besar sekarang tidak lagi seperti kenyataan tersebut.

Seri Menanti sahaja perkataan 'Lembaga' itu merujuk kepada ketua suku tetapi digunakan juga bagi seluruh daerah atau luak di Negeri Sembilan. Setiap lembaga mempunyai gelaran masing-masing dan biasanya gelaran mereka adalah berbeza antara satu luak dengan luak yang lain. Misalnya gelaran lembaga bagi suku Tiga Batu di Seri Menanti adalah berbeza dengan gelaran lembaga bagi suku yang sama di Luak Jelebu.²² Namun begitu pada lazimnya peranan mereka di dalam masyarakat adalah sama sahaja. Tegasnya mereka berfungsi sebagai pemimpin dan bertanggungjawab terhadap segala hal yang berhubung dengan adat dalam suku masing-masing. Tetapi lembaga dalam Adat Lingkungan selain berperanan dalam masyarakat mereka juga mempunyai peranan dan tugas masing-masing dalam soal adat istiadat Istana.

Dalam bab yang lepas penulis telah pun menegaskan bahawa terdapat lima suku dalam Adat Lingkungan iaitu Suku Batu Hampar (termasuk Batu Hampar Sungai Layang), Tanah Datar, Tiga Batu, Seri Lemak Pahang dan Seri Lemak Minangkabau.

Suku-suku tersebut mempunyai pemimpinnya yang berfungsi sebagai ketua adat dan mereka mempunyai

²² Lembaga bagi suku Tiga Batu di Seri Menanti digelar Datuk Besar. Manakala lembaga suku Tiga Batu Jelebu bergelar Datuk Lela Angsa; Lihat Abdul Ghani Shahmaruddin, *Lain Padang Lain Belalang.*, h.16.

gelarannya masing-masing. Bagi suku Batu Hampar pemimpin atau ketuanya digelar Datuk Seri Amar di Raja dan Datuk Raja Dewangsa. Manakala Datuk Penghulu Dagang dan Datuk Akhir Zaman merupakan pemimpin bagi Suku Tanah Datar. Keempat-empat mereka itu dikenali juga sebagai Orang Empat Istana kerana di samping sebagai ketua suku mereka juga mempunyai tanggungjawab yang besar dalam Istana. Justeru itu pimpinan bagi kedua-dua Suku Tanah Datar dan Batu Hampar turut dibantu oleh Buapak masing-masing. Sementara itu Datuk Besar pula merupakan gelaran bagi lembaga Suku Tiga Batu; Datuk Andatar lembaga Suku Seri Lemak Pahang dan Datuk Bangau ketua atau lembaga Suku Seri Lemak Minangkabau.²³

Menurut Datuk Abdul Samad Idris, asal usul Orang Empat Istana adalah bermula pada masa Yamtuan Seri Menanti yang pertama iaitu Raja Melewar ekoran daripada pertemuan empat orang saudara Enche Puan Sani.²⁴ Beliau telah memetik sejarah asal usul Orang Empat Istana ini dari sebuah buku tulisan tangan yang dinyatakan sebagai berikut:²⁵

...Tatkala keempat-empatnya hendak masuk tidak dibenarkan oleh orang-orang yang mengawal pintu, demikian berbantah-bantah pada masa itu terdengarlah pada Che' Sani

²³ Temubual dengan Datuk Besar Meon bin Abu Bakar di Kampung Buyau Seri Menanti pada 3.11.1986.

²⁴ Abdul Samad Idris, Takhta Kerajaan., h.19-21.

²⁵ Cerita ini dipetik oleh Datuk Abdul Samad Idris dari sebuah buku tulisan tangan yang tidak diubahsuai kata-kata-katanya. Melalui petikan ini penulis hanya mengubah ejaan tanpa mengubah struktur ayat asalnya.

isteri Yang di Pertuan Raja Melewar itu lalu ia memandang kelihatanlah keempat-empat saudaranya itu sedang berbantah-bantah dengan orang kawalan itu, maka Che' Sani pun menangis lalu segera pergi mengadap Duli Yang di Pertuan dengan airmatanya, maka titah Duli Yang di Pertuan, "mengapa diri selaku ini dan mengapa pula yang gempar bunyi orang bergaduh," maka dipersembahkanlah Che' Sani hal itu serta mengatakan, "ada pun orang yang empat itu saudara patik datang hendak mengadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia," maka titah Duli Yang di Pertuan, "jika sungguh orang itu saudara diri bolehlah masuk bertemu kami serta titahkan juak-juak memanggil keempat-empatnya," maka keempat-empatnya pun masuklah naik ke Istana duduk di hulu tangga berempat kiri kanan...

Keterangan tersebut jelas memperlihatkan betapa pentingnya ikatan persaudaraan di mana empat orang saudara Che Sani yang sanggup datang ke Rembau dan tidak dikenali oleh pengawal Raja sewaktu untuk bertemu dan bertanyakan khabar tentang saudara perempuannya Che Sani. Bagi Che Sani pula sudah pastilah ia terharu dengan kedatangan saudaranya itu. Justeru itu ia ingin sekali bertemu mereka dan Yamtuan Melewar sendiri tidak menolak keinginan Che Sani tersebut. Selanjutnya dari sini jugalah asalnya Datuk Orang Empat Istana dan apabila diadakan adat istiadat seperti pertabalan, istiadat Penghulu Mengadap²⁶ dan seumpamanya, mereka duduk mengikut aturan seperti itu di atas Singgahsana.

²⁶ Istiadat Penghulu mengadap ini diadakan setiap tiga tahun sekali.

Petikan seterusnya dilihat sebagai berikut:

...dan Duli Yang di Pertuan pun keluarlah bersemayam ke serambi tengah, maka titah Duli Yang di Pertuan, "apa khabar tuan keempat yang baharu datang ini," maka keempatnya pun menyembahlah seraya menjawab, titah sembahnya, "khabar baik Tuanku, adapun kedatangan patik keempat ini hendak mengadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia memohonkan ampun periksa akan hal saudara patik yang telah terbawa oleh Duli Yang Maha Mulia, ampun Tuanku akan apakah gunanya saudara patik itu", maka titah Duli Yang Maha Mulia, :bahawa maksud kami itu semata-mata kebajikan jua iaitu kami hendak jadikan peti banian²⁷ bagi kerajaan dan tuan-tuan keempatlah akan anak kuncinya", seraya titahnya pula kepada Che Sani, "akan keempat-empat tuan-tuan ini yang benarnya belakakah kepada diri", sembah Che Sani, "Daulat Tuanku, yang dua inilah saudara seibu bapa dengan patik, akan yang dua ini orang Suku Tanah Datar daripada keturunan Sutan Sumanik dan Johan Kebesaran, jadi jumlah saudara jualah kepada patik", maka titah Duli Yang di Pertuan, "jika demikian tuan-tuan keempat-empat ini muafakatliah baik-baik jangan bertukar berubah hingga datang ke akhir zaman kelak turun temurun kerana yang dua ini jadi iparlah kepada kami lagi daging darah dan yang dua ini pun demikian kerana keempat-empatnya orang Koto Piliang belaka, sekarang kembalilah tuan-tuan keempat ke Seri Menanti dirikan Istana di sana, apabila sudah segeralah pula datang ke mari memberitahu kami".²⁸

Dari petikan tersebut memperlihatkan bahawa Yamtuan Melewar menyambut baik kedatangan keempat-empat saudara Che Sani. Baginda telah menjelaskan tentang niatnya untuk menjadikan Che Sani sebagai isteri atau

²⁷ Peti Banian di sini bermaksud isteri.

²⁸ Abdul Samad Idris, Takhta Kerajaan., h.19-20.

Che Puan bagi kerajaan dan secara langsung keempat-empat saudaranya itu dilantik sebagai pembesar (Orang Empat Istana) yang bertanggungjawab dalam memelihara keluarga diraja. Gelaran Datuk Orang Empat Istana tersebut kekal hingga sekarang dan peranan mereka amat penting dalam mengatur dan menyempurnakan segala adat istiadat yang berlangsung di Istana.

Petikan seterusnya pula memperlihatkan tentang kewujudan masyarakat Adat Lingkungan ini di Seri Menanti pada peringkat awal:

Hatta maka keempat-empat orang ini pun bermohonlah balik, setelah sampai ke Seri Menanti muafakat didirikanlah Istana, telah lengkap kembalilah pula mereka ke Rembau mengadap Duli Yang di Pertuan Sultan Mahmud, kemudian berbulatlah Undang Yang Empat, Penghulu Yang Sembilan seluruh Negeri Sembilan menghantar Duli Yang di Pertuan berangkat ke Seri Menanti iaitu kemudian telah ditabal di Rembau, sebab itulah dinamai Rembau itu Tanah Kerjan dan Seri Menanti Tanah Mengandung, telah sampai ke Seri Menanti maka Che Sani pun bergelar Che Puan dan saudaranya kedua itu seorang bergelar Seri Amar di Raja dan seorang lagi bergelar Maha-Raja Dewangsa ialah mertabat orang berempat dalam lingkungan Istana memerintah Suku Batu Hampar, maka suku itulah dinamai Air Kaki iaitu dua pihak, sepihak disebut Air Kaki Yang Jernih iaitu Suku Batu Hampar yang di Sungai Layang dan sepihak Air Kaki sahaja iaitu Suku Batu Hampar Lingkungan Istana dan Tanah Datar yang dua orang itu digelar Penghulu Dagang dan seorang lagi bergelar Akhir Zaman...²⁹

Ternyata di sini bahawa masyarakat Adat Lingkungan Seri Menanti pada peringkat awal hanya khusus

²⁹ ibid., h.20

pada dua suku iaitu Suku Batu Hampar dan Suku Tanah Datar sahaja. Tetapi pada masa kini masyarakat Adat Lingkungan ini telah berkembang dan melibatkan beberapa suku yang lain iaitu Suku Seri Lemak Pahang, Suku Seri Lemak Minangkabau dan Suku Tiga Batu.

Selanjutnya tugas dan peranan Orang Empat Istana serta Ketua-ketua Adat yang lain dapat dilihat sebagai berikut:

...pada aturan jabatan, Seri Amar di Raja itulah kepala, yang kedua Maharaja Dewangsa, ketiga Penghulu Dagang, keempat Akhir Zaman, hal pekerjaan jawatan dalam Istana tatkala adat didirikan dan kebesaran akan diturunkan dalam masa Hari Raya yang kedua dan sebagainya maka Datuk Seri Amar di Raja itu mengeluarkan segala alat kebesaran dari dalam bilik Istana hulurkan ke tengah disambut oleh Maharaja Dewangsa lalu diberikan pula pada Penghulu Dagang yang sedia menunggu di situ, maka ia pula membawa lalu ke pintu Istana disambut pula oleh Akhir Zaman ialah yang membawa lalu ke tangga lalu diserahkan pula kepada Johan iaitu kepala jawatan juak-juak yang sembilan puluh sembilan maka Johan itulah yang membawa turun ke laman Istana disuruh dirikan menurut aturan kepada anak-anak buahnya, telah sudah maka Johan pun kembali berdiri di tangga Istana berseru kepada Hulubalang Yang Empat, iaitu Panglima Sutan, Panglima Raja, Laksamana dan Laksamana serta juak-juak yang 99, "kawalilah kerja jabatan masing-masing dengan sempurnanya", telah itu ia pun duduklah di tangga Istana itu adanya.

Ada pun perbilangan Air Kaki itu demikian, sekecil-kecilnya Air Kaki itu bersamaan tarafnya dengan waris dan kebesaran Air Kaki bersamaan dengan Anak Putera...³⁰

Berikut dikemukakan senarai nama orang-orang yang telah menyandang gelaran pesaka Datuk-datuk Orang Empat Istana itu sejak dari awal hingga ke hari ini.³¹

a. Seri Amar di Raja

1. Merah
2. Tekun
3. Muhammad Ali
4. Ubat
5. Luman
6. Jalil
7. Idris
8. Omar
9. Dahan
10. Sujud
11. Ranap

b. Raja Dewangsa

1. Sipi
2. Pipeh
3. Petot
4. Lebai
5. Hasan
6. Kulop
7. Kechut
8. Idris
9. Wahab
10. Yahya
11. Yunus Jabar

c. Penghulu Dagang

1. Chantek
2. Mundok
3. Sajak
4. Aman
5. Amin
6. Ismail
7. Maisin
8. Lati
9. Adam bin Yusof

d. Akhir Zaman

1. Molek
2. Dengut
3. Titah
4. Usah
5. Sahat
6. Wasir
7. Dahir
8. Kocher
9. Maadir
10. Othman
11. Bakat
12. Bador Ibrahim
13. Dayar Sarul
14. Abdul Rahman
Shaari

³¹ Abdul Samad Idris, Takhta Kerajaan., h.22.

Pada keseluruhannya kenyataan di atas tadi jelas menggambarkan asal usul wujudnya gelaran Orang Empat Istana pemimpin tertinggi masyarakat Adat Lingkungan sebagaimana yang dapat penulis galurkan daripada petikan yang dibuat oleh Datuk Abdul Samad Idris dalam bukunya Takhta Kerajaan Negeri Sembilan. Malahan petikan itu juga serba sedikit telah memperlihatkan kepada kita peranan serta tugas mereka dalam soal adat istiadat Istana. Sementara itu asal usul Lembaga-lembaga adat yang lain tidak dapat digalurkan kerana tidak ada sumber-sumber yang dapat menjelaskannya.

D. Struktur dan Kedudukan Pembesar Adat Lingkungan

Pada peringkat awal soal pimpinan dalam susunan (structure) sesuatu masyarakat itu adalah sederhana atau simple. Seluruh rupa pengalaman hidup, tindakan-tindakan dan pergerakan-pergerakan ahli masyarakat mereka pada lazimnya ditentukan oleh ketua yang melindungi masyarakat itu.

Pada praktiknya yang dikatakan pemimpin itu lebih menyeluruh kepada kaum lelaki kerana kaum lelaki itu merupakan 'pagar' bagi masyarakatnya. Tegasnya tenaga kaum lelaki itu amat penting dan diperlukan dalam memimpin masyarakat. Misalnya Penghulu, di samping menjadi bomoh, juga menjadi wakil bagi ahli-ahli masyarakatnya dalam perhubungan dengan daerah-daerah luar. Mudahna corak pimpinan itu berpunca dari hakikat bahawa kepentingan tiap-tiap ahli masyarakat adalah agak

sama antara satu sama lain. Mereka pada keseluruhannya mempunyai kepentingan ekonomi, kesenian, kemasyarakatan dan pendidikan yang seragam sahaja.³²

Sejak zaman Hindu-Buddha kita dapati masyarakat Melayu terbahagi kepada dua golongan besar; pertama golongan bangsawan atau Istana yang rapat dengan Ketua-ketua agama; kedua ialah golongan rakyat biasa. Dalam kehidupan rakyat biasa di desa-desa setelah kedatangan Islam terdapat pengaruh-pengaruh Tok Guru sebagai pemimpin utama yang bukan sahaja dalam hal-hal yang berhubungan dengan agama tetapi menyentuh juga soal yang berkaitan dengan kehidupan sehari-hari. Peranan agama Islam bukan sahaja menentukan hukum ibadat semata-mata tetapi jauh kepada soal-soal politik dan kebudayaan.

Pembahagian masyarakat kepada dua golongan iaitu golongan pemerintah dan golongan rakyat merupakan satu daripada unsur-unsur asas struktur politik dan struktur sosial orang Melayu. Perbezaan di antara kedua-dua golongan masyarakat amat nyata dan dipegang kuat. Dalam masyarakat Melayu tradisi hampir-hampir mustahil bagi seseorang rakyat biasa hendak meninggikan darjatnya dan memasuki kelas pemerintah. Tetapi tidaklah sedemikian jika dikaitkan dengan golongan pemerintahan dalam masyarakat Seri Menanti yang bersuku-suku itu kerana mereka dipilih dari bawah - 'berjinjang naik bertangga

³² Ali Ahmad, "Pimpinan Dalam Masyarakat Melayu", dalam Pemimpin Dan Pimpinan, penyusunan Hamka, Pustaka Melayu Baru, Kuala Lumpur, 1973, h.37.

turun'. Tiap-tiap ahli dalam sesuatu suku itu bertanggungjawab memilih sesiapa di kalangan mereka yang layak untuk menjadi pemimpin. Menurut perbilangan adat;³³

Bulat anak buah menjadi Buapak
 Bulat Buapak menjadi Lembaga
 Bulat Lembaga menjadi Undang
 Bulat Undang menjadi Keadilan (Yamtuan)

Dengan sistem tersebut maka tidak berlaku keadaan di mana wujudnya satu kelompok yang memonopoli sistem politik. Sebaliknya sesiapa yang layak boleh menjadi pemimpin setelah dipersetujui oleh anak buah. Walau bagaimanapun perlu dinyatakan di sini bahawa golongan pemimpin masyarakat Adat Lingkungan di Seri Menanti ini khususnya Buapak dan Lembaga haruslah mendapat pengesahan Yamtuan sungguh pun anak buah berhak membuat pemilihan. Malahan perlantikan Orang Empat Istana (juga bertindak sebagai Lembaga) tertakluk kepada keputusan Yamtuan yang mempunyai kuasa tertinggi dalam masyarakat Adat Lingkungan. Ternyata di sini terdapat kelainan mengenai kedudukan pembesar-pembesar Seri Menanti di mana ia tidaklah dikuasai atau dimonopoli oleh golongan bangsawan (kecualian pada jawatan Yamtuan dan diraja) dan rakyat biasa berpeluang untuk menjadi pembesar Istana jika cukup syarat-syaratnya. Jarang sekali

³³ Lokman Yusof, "As Seen In Land Inheritance", Intisari, Vol.1, No.4, MSRI, Singapore, 1963, h.13

berlaku konflik sosial seperti yang lemah menentang seseorang yang lebih kuat daripadanya semata-mata untuk merebutkan status. Sebaliknya masyarakat mengambil jalan yang bijaksana dengan tunduk kepada orang yang berkewibawaan - sesiapa jadi raja tetap ku sembah.³⁴

Biasanya kelas pemerintah di Negeri Sembilan merupakan satu badan yang rapat sekali hubungannya dengan Yamtuan. Dalam badan ini terdapat beberapa orang dari keturunan diraja yang biasanya memegang jawatan diraja yang lebih rendah. Misalnya di Seri Menanti, terdapat jawatan Putera Yang Empat iaitu terdiri daripada Tunku Besar, Tunku Laksamana, Tunku Muda Serting dan Tunku Panglima Besar; manakala Anak-anak Raja Bergelar terdiri dari Tunku Imam, Tunku Alang, Tunku Kecil Besar, Tunku Kecil Muda; dan akhir sekali jawatan Puteri Yang Dua iaitu Tunku Puteri dan Tunku Dara.³⁵ Keseluruhan jawatan-jawatan tersebut adalah dipegang oleh kerabat-kerabat diraja sahaja. Mereka juga mempunyai tugas dan peranan masing-masing terutama dalam soal adat istiadat dalam Istana.³⁶

³⁴ J.M.Gullick, Sistem Politik.,h. 95.

³⁵ Tunku Panglima Besar Abdullah, laporan Jumaah Istiadat Istana, Januari 1972.

³⁶ Tugas dan peranan akan dibincangkan dalam bab 3.

Anggota-anggota kelas pemerintah yang bukan dari keturunan diraja memperoleh statusnya secara tidak langsung dari Yamtuan. Di Seri Menanti, golongan pembesar yang khususnya berhubung dengan adat (Ketua Adat) dilantik oleh masyarakat yang bakal dipimpinnya serta mendapat pengesahan pula secara langsung dari Yamtuan sebagai pembesar dalam Istana. Misalnya Datuk Besar Meon yang dilantik oleh anakbuahnya sebagai lembaga bagi suku Tiga Batu di Seri Menanti telah turut dilantik oleh Yamtuan untuk menyandang jawatan Apit Lempang Orang Empat Istana.³⁷

Tugas-tugas golongan pembesar atau pemimpin biasanya adalah tertakluk kepada peringkat yang dipimpinnya. Misalnya Buapak bertanggungjawab memimpin perutnya; kalau Lembaga memimpin sukunya; Kalau Undang memimpin Luaknya dan Yamtuan memimpin negerinya. Pemimpin tersebut setiap masa mengembeling tenaga mereka untuk "mengelokkan" masyarakatnya seperti kata perbilangan, 'elok nageri kerana Penghulu'.³⁸ Tegasnya terdapat satu hiraki atau organisasi yang jelas melalui kata-kata perbilangan adat:

³⁷ Ini bermakna Datuk Besar Meon memegang dua jawatan iaitu sebagai Lembaga suku Tiga Batu dan sebagai Apit Lempang Orang Empat Istana. Temubual dengan Datuk Besar Meon bin Abu Bakar di Kampung Buyau Seri Menanti pada 3.11.1986.

³⁸ Nordin Selat, Sistem Sosial., h.20.

Alam beraja
 Luak berpenghulu
 Suku berlembaga
 Anakbuah beribu bapa
 Orang semenda bertempat semenda.³⁹

Dengan itu jelas bahawa kepimpinan dalam Adat Lingkungan (juga dalam Adat Perpatih) berlandaskan kepada dua konsep iaitu muafakat dan budi. Sememangnya telah menjadi adat bahawa sesuatu keputusan mestilah dicapai dengan muafakat. Setiap mereka yang terlibat adalah berhak, malahan harus memberi pendapat mereka. Perlulah difahamkan, mereka bertegang leher berdebat bukanlah untuk menegakkan ego masing-masing tetapi untuk mencari kesempurnaan dan kebaikan bagi masyarakatnya. Umpamanya di Minangkabau sendiri setiap suku dipimpin oleh seorang kepala suku yang secara adat disebut Ninik Mamak atau Penghulu. Mereka ini berkuasa penuh terhadap anak-kemanakan masing-masing dalam menyelesaikan segala masalah seperti harta waris yang turun temurun atau masalah-masalah lain yang timbul di kalangan keluarga.⁴⁰ Memang telah menjadi lumrah bahawa dalam mencari kata putus mesti ada tolak ansur. Apa yang penting ialah berbudi kepada masyarakat atas dasar yang benar. Menurut kata perbilangan Adat:⁴¹

³⁹ Lokman Yusof, AS Seen In Land Inheritance, h. 13

⁴⁰ Aneka Minang. No.6, Terbitan Yayasan Aneka Minang, Jakarta, Mei 1972, h.15.

⁴¹ Nordin Selat, "The Concept of Leadership in Adat Perpatih", Renungan, penyusun Nordin Selat, Utusan Publications And Distributors, K. Lumpur. 1978, h.125.

Penghulu beraja ke muafakat
 Muafakat beraja kepada yang benar
 Benar berdiri dengan sendirinya
 Nan dinamakan alur dan patut.

Seorang pemimpin yang unggul ialah pemimpin yang mempunyai kedudukan ekonomi yang baik, kesihatan yang baik, watak yang baik dan akal yang waras serta bijak.⁴² Sifat-sifat tersebut merupakan sifat utama dan penting yang semestinya ada pada setiap pemimpin.

Setiap pemimpin haruslah mempunyai kedudukan ekonomi yang baik atau mantap. Dengan ini ia dapat menyesuaikan statusnya dan menjaga marwahnya seperti dalam syarat yang dikatakan, 'mengisi adat menuang lembaga'.

Seseorang pemimpin juga haruslah baik dari segi kesihatan untuk menyumbangkan tenaga sama ada dalam bentuk fizikal maupun mental mereka dalam menjalankan kewajipan terhadap masyarakat. Di samping mengendalikan upacara-upacara adat yang berbagai-bagai ia harus menghubungi ataupun menemui orang-orang yang di bawah pimpinannya, mengawasi mereka serta menyelidiki masalah-masalah mereka.⁴³

Seseorang pemimpin itu juga mestilah mempunyai watak yang baik agar ia sentiasa dihormati oleh

⁴² Nordin Selat, Sistem Sosial., h.21.

⁴³ ibid.

masyarakat. Tegasnya setiap pemimpin itu haruslah merupakan lambang kebaikan - baik tingkahlaku dan moralnya, maupun nama dan seumpamanya. Menurut Dr. Nordin Selat sifat-sifat lain yang tergolong dalam konsep watak yang baik ini ialah pemurah, sabar, benar, amanah dan tabligh. Tabligh di sini bermaksud menyampaikan ajaran-ajaran adat. Oleh itu ia harus tahu selok belok adat dan interpretasinya supaya ia dapat menjelaskan kepada anakbuahnya. Adalah menjadi tanggungjawabnya untuk menjaga agar anggota-anggota dalam jagaannya tidak melanggar adat akibat keliru tentang adat itu.⁴⁴

Akal juga merupakan satu lagi sifat penting yang perlu dimiliki oleh seseorang pemimpin. Dengan akal barulah seseorang pemimpin itu dapat memimpin dengan lebih sempurna. Menurut adat pemimpin itu mestilah mempunyai gembelangan sifat-sifat yang dikatakan 'tali berpilin tiga' atau 'tungku tiga sejerangan'. Sifat-sifat ini ialah agama, adat dan intelek.⁴⁵

Terdapat banyak syarat-syarat untuk seseorang itu menjadi pemimpin. Antaranya ialah seseorang calon itu mestilah dari kaum lelaki dewasa (baligh) yang beragama Islam. Di samping itu juga ia mestilah dari keturunan yang baik dan dipersetujui untuk memimpin oleh orang-

⁴⁴ ibid., h.23

⁴⁵ ibid.

⁴⁶ Maksudnya tidak cacat dari segi adat.

orang yang bakal dipimpinnya. Kalau di Minangkabau, untuk menjadi Ninik Mamak atau Penghulu syarat-syarat peribadi amatlah diutamakan dan harus diteliti. Antara syarat-syarat yang telah dikupas oleh majalah Aneka Minang adalah sebagai berikut:

1. Wajib menuruti adat yang terdapat dalam negeri dan cukup disenangi dalam pergaulan.
2. Berakal waras dan yang tercerdas dikalangan kaumnya.
3. Punya pengetahuan yang cukup luas, yang akan dipergunakannya dalam memimpin kaumnya.
4. Laki-laki dan penguasa waris gelar Penghulu.
5. Berbudi baik dan cinta kerja dalam melaksanakan tugas.
6. Mengetahui selok belok adat lembaga dalam negeri dan berharta.
7. Penyabar sifatnya, serta dapat menyesuaikan diri dengan lingkungan masyarakat dan zaman.⁴⁷

Terdapat syarat-syarat tersebut tidak berlainan dari apa yang terdapat di Seri Menanti atau Negeri Sembilan umumnya. Apa yang penting sifat-sifat kepimpinan itu adalah perlu bagi setiap pemimpin untuk melindungi dan menjaga masyarakat yang dipimpinnya.

Setelah faham mengenai sifat-sifat dan syarat-syarat yang perlu ada yang pada seseorang pemimpin, kita kembali membicarakan struktur pemimpin masyarakat Seri Menanti dan Negeri Sembilan amnya. Struktur pemerintahan Negeri Sembilan secara umum dapat dijelaskan melalui rajah berikut:

⁴⁷ Aneka Minang., h.15


Rajah 4 : Struktur Pemerintahan N. Sembilan



Apa yang nyata di sini kedudukan Yamtuan adalah di peringkat yang paling atas sekali dan diikuti oleh Undang atau Penghulu Luak. Perlu difahamkan bahawa fungsi dan keutamaan Penghulu kurang daripada Undang. Pada suatu masa dahulu mereka di bawah Undang. Umpamanya Penghulu Ulu Muar, Jempol, Terachi, dan Gunung Pasir pernah di bawah Undang Johol, tetapi kemudiannya diletakkan di bawah Yamtuan.

Telah dinyatakan di peringkat awal dahulu bahawa dalam masyarakat Seri Menanti tidak ada Jawatan Undang, sebaliknya Yamtuanlah yang berkuasa penuh. Justeru itu Yamtuan melantik pegawai-pegawai Istana untuk membantu menjalankan segala hal ehwal adat istiadat yang berlangsung di dalam istana. Struktur pegawai-pegawai Istana ini dapat pula diperlihatkan sebagai berikut:

Rajah 5' : Struktur Pegawai-Pegawai Istana⁴⁸



Sementara itu untuk mengendalikan pula hal-hal masyarakat di luar Istana (masyarakat Adat Lingkungan), tugas dan peranan adalah terletak di bahu Datuk-datuk Lembaga. Datuk-datuk Lembaga ini dibantu oleh Buapak-buapak untuk mentadbir anak-anak buah bagi suku masing-masing. Perkara ini dapat diperlihatkan melalui rajah berikut:

⁴⁸ Setiap pegawai tersebut mempunyai tugas dan peranan mereka yang dibincangkan dalam Bab 3.

Rajah 6 : Struktur Pembesar Adat Lingkungan



Daripada rangka kasar rajah struktur Pembesar Adat Lingkungan tersebut penulis telah membentuk sebuah jadual yang dapat meperlihatkan struktur pembesar ini secara lebih khusus mengikut suku-suku yang tergolong dalam Adat Lingkungan ini sebagaimana berikut:

JADUAL 1 : SENARAI PEMBESAR SUKU-SUKU ADAT LINGKUNGAN⁴⁹

Nama Suku	Lembaga	Buapak	Besar Waris	Kawasan
Batu Hampar Sungai Layang	D. Seri Amar Di-Raja	D. Dia Maharaja	-	Sungai Layang
Batu Hampar Seri Menanti	D. Raja Dewangsa	Hakim Menteri	Kanda Maharaja Datuk Jementeri	Seri Menanti Seri Menanti
Tanah Datar Lingkungan Air Kaki	Datuk Penghulu Dagang D. Akhir Zaman	Menti Maharaja	Seri Maharaja Sutan Kebesaran	Tanah Datar Tanah Datar
Seri Lemak Pahang	Datuk Andatar	D. Setia Muda D. Setia Penghulu	- D. Jolak	Bukit Tempurung Seri Menanti
Seri Lemak Minangkabau	Datuk Bangau	D. Raja Penghulu	-	-
Tiga Batu Lingkungan	Datuk Besar	Panglima Garang Panglima Jaya	- Datuk Palembang Panglima Sutan Datuk Perdana D. Kaya Menteri D. Seri Maharaja Datuk Memperang	Tanjung Beringin Kampung Buyau " " " " "

⁴⁹ Temubual dengan Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof di Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti pada 28.1.1987.

Jadual tersebut dapat menggambarkan struktur dan gelaran-gelaran golongan pemimpin masyarakat Adat Lingkungan di Seri Menanti. Apa yang nyata dari Jadual itu ialah terdapatnya perbezaan gelaran pemimpin-pemimpin tersebut walaupun pada dasarnya kedudukan tugas dan peranan mereka adalah sama dalam suku masing-masing. Pada pandangan penulis perbezaan gelaran tersebut mungkin semata-mata untuk membezakan kawasan kedudukan satu-satu pembesar itu dalam sesuatu suku atau pun kampung. Misalnya gelaran Buapak suku Tiga Batu adalah berbeza dengan gelaran Buapak dari suku-suku lain dalam Adat Lingkungan (Lihat jadual di atas); dan kita dapati juga gelaran Buapak dalam suku Tiga Batu itu sendiri berbeza antara Kampung Buyau (gelarannya Datuk Panglima Jaya) dan Kampung Tanjung Beringin (gelarannya Datuk Panglima Garang).

Di samping itu juga kedudukan Datuk-datuk Lembaga tersebut adalah berbeza dalam soal adat istiadat Istana di mana kedudukan Orang Empat Istana itu adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan Datuk-datuk Lembaga yang lain meski pun dalam masyarakat Adat Lingkungan tugas dan Peranan mereka adalah serupa.

Pada keseluruhannya struktur dan kedudukan pembesar-pembesar dalam masyarakat Seri Menanti dapat digolongkan kepada dua situasi. Pertama adalah struktur dalam lingkungan Istana sahaja (untuk mentadbir segala

hal-hal yang bersangkutan paut dengan adat istiadat dan peraturan Istana); kedua struktur atau hiraki dalam masyarakat Adat Lingkungan secara umum (untuk mentadbir segala hal yang berhubung dengan masyarakat Adat Lingkungan). Dengan itu menempatkan Orang Empat Istana menduduki hiraki yang kedua di bawah Yamtuan jika dalam masyarakat Adat Lingkungan, tetapi dalam struktur pegawai-pegawai Istana ia menduduki hiraki yang keempat selepas Anak Raja Bergelar.

E. Peraturan Pembesar Adat Lingkungan

Telah dinyatakan bahawa seseorang pemimpin itu merupakan ketua bagi masyarakatnya. Justeru sebagai ketua adat mereka harus mempunyai peraturan serta memahami peraturan yang telah ditetapkan di dalam masyarakat. Dalam etika adat ada peraturan dan pantang larang sebagai pedoman untuk bertingkah laku yang seharusnya dipatuhi oleh setiap ahli baik pemimpin mahupun orang yang dipimpin demi kesejahteraan bersama. Malahan setiap peraturan itu menjadi asas untuk menghindari sebarang konflik yang mungkin timbul.

Kalau kita mengkaji sistem masyarakat tradisi secara umum seringkali terdapat hal-hal yang berkaitan dengan konflik sosial. Konflik sering wujud dalam masyarakat untuk menegakkan sesuatu nilai yang dikehendaki oleh sesuatu kelompok itu. Andaikata masyarakat tidak menetapkan satu-satu peraturan sebagai

pedoman ahli-ahli dalam masyarakat itu maka sudah tentu konflik yang lebih serius akan mudah wujud.⁵⁰

Dalam masyarakat Seri Menanti yang mengamalkan Adat Lingkungan ini begitu jarang sekali berlakunya konflik sosial dalam ertikata untuk menuntut status atau kuasa kerana sistem perlantikan seseorang pemimpin itu dapat dianggap sebagai suatu sistem yang bercorak demokrasi dan Yamtuan hanya berperanan untuk mengesah atau menyetujui perlantikan tersebut. Justeru itu soal konflik perebutan kuasa tidak berlaku. Namun begitu tidak dinafikan pula bahawa konflik sosial yang berhubung dengan pertentangan nilai pernah terjadi dalam masyarakat tersebut. Umpamanya perkahwinan antara seseorang lelaki dan perempuan dari perut yang sama⁵¹ adalah merupakan satu kesalahan besar dalam adat. Maka

⁵⁰ Soal konflik sosial ini pernah dibincangkan oleh seorang tokoh sosiologi yang terkenal iaitu Max Weber yang telah banyak memberi sumbangan dalam perkembangan teori konflik dalam bidang sosiologi. Beliau banyak dipengaruhi oleh ahli teori konflik yang terkemuka iaitu Karl Marx. Di samping itu Weber juga telah menyumbangkan beberapa aspek penting mengenai idenya tentang kewibaaan (authority) dan kuasa (power); Ting Chew Peh, Konsep Asas Sosiologi, DBP, K. Lumpur, 1979, h. 60, 63, 67.

Konflik sosial bolehlah didefinisikan sebagai satu pergelutan ke atas nilai, tuntutan status, kuasa dan sumber terhad. Tujuan individu atau kelompok berkonflik bukanlah sahaja untuk memperolehi nilai yang dikehendaki tetapi juga untuk menghapuskan atau meneutrasalisasikan persaingan-persaingan mereka.

⁵¹ Ini bermakna ibu kepada lelaki dan perempuan yang hendak berkahwin itu adalah adik beradik seibu atau dari perut yang sama.

dengan itu perlakuan ini mendapat tentangan dari masyarakat dan sesiapa yang melakukannya akan menerima hukuman iaitu "dibuang daerah" serta keturunannya tidak lagi dihormati dan dianggap cacat dari segi adat.

Berhubung dengan perkara-perkara tersebut maka semestinyalah setiap ahli masyarakat mematuhi nilai-nilai dan peraturan yang telah ditetapkan terutama nilai-nilai yang tidak bertentangan dengan Islam. Pada lazimnya setiap pemimpin itu berperanan dalam memastikan bahawa sesuatu nilai atau peraturan itu hendaklah dipatuhi oleh setiap ahli dalam masyarakatnya.

Oleh yang demikian setiap pemimpin itu harus memperlihatkan ketokohnya agar ia dihormati dan disegani oleh setiap ahli masyarakat. Malah di sinilah letaknya nanti kepatuhan masyarakat terhadap nilai-nilai yang ada. Memang tidak dinafikan bahawa ketokohan seseorang pemimpin itu amat penting dalam menjalankan tanggungjawabnya kepada masyarakat. Justeru itu pemimpin dipilih berdasarkan syarat-syaratnya yang tertentu dan bukanlah dipilih secara sewenang-wenang sahaja.

Di Seri Menanti pemilihan Lembaga bagi masyarakat Adat Lingkungan adalah berdasarkan kebulatan Buapak serta anak-anak buah semuanya. Pemilihan ini hendaklah mengikut giliran kerana di dalam satu-satu suku itu terdapat banyak perut yang boleh mewarisi pusaka

Lembaga.⁵² Dalam cara pemilihan itu Buapak mengemukakan waris-waris yang layak dan dipersembahkan kepada Yamtuan untuk mendapat pengesahan. Apabila persetujuan telah diperolehi baharulah dilantik dengan mengadakan istiadat Lembaga. Upacara ini diadakan sama ada di rumah ibunya atau di rumah saudara perempuannya.⁵³ Pada masa itu ditentukan pakaian Adat Lembaga serta diadakan juga adat sembah menyembah oleh segala buapak dan anak buahnya. Disamping itu diadakan juga adat istiadat Jamuan di rumah isterinya bagi menentukan tempat tinggalnya.

Menurut J.J.Sheehan dan Abdul Aziz Khamis, alamat kebesaran Lembaga itu Empat Pucuk⁵⁴ iaitu dipasang pada hari jadi, hari mulai puasa, Hari Raya Haji dan bila-bila masa diadakan istiadatnya.⁵⁵

52 J.J. Sheehan & Abd Aziz Khamis, Adat Kuala Pilah., h.196.

53 Apabila seseorang itu telah dipersetujui oleh Yamtuan untuk menjadi Lembaga atau Orang Besar di Istana maka akan diadakan upacara mengadap Yamtuan dengan membawa satu tepak kuning dan wajik penganan sebagai pengesahan; Temubual dengan Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof di Kampung Bukit Tempurong, Seri Menanti pada 23.7.1986.
Rumah tempat Lembaga itu dilantik dinamakan Telapak Lembaga; Lihat J.J. Sheehan & Abd. Aziz Khamis, Adat Kuala Pilah., h. 197.
ibid.

54 Ini merujuk kepada bedilan meriam sebanyak empat kali.

55 J.J. Sheehan & Abd. Aziz Khamis, Adat Kuala Pilah., h.197.

Dalam istiadat perkahwinan Lembaga, dijemput ibubapa sebelah perempuan yang dikehendaknya itu serta ibubapanya sendiri dan jika tiada halangan diikatlah janji dan dibayar \$7/= kepada ibubapa sebelah perempuan.⁵⁶ Kemudian barulah diadakan upacara nikah dengan adat istiadatnya. Sekiranya lembaga bercerai, soal harta carian dinyatakan mengikut pepatah berikut: ⁵⁷

Hidup tiada bersuarang
Mati tiada bersudah
Sedikit ditarik banyak tinggal
Banyak ditarik sedikit tinggal

Ini bermakna jika cerai mati, harta carian ini terpulang kesemuanya kepada isterinya dan jika bercerai hidup terpulanglah kepadanya sendiri untuk menentukan pembahagian harta itu. Sekiranya ia zalim di atas pembahagian harta itu maka dihukum mengikut pepatah, 'Orang beradat tiada tahu akan adatnya gugur pusaknya'.⁵⁸ Sementara itu soal harta pembawa dan dapatan adalah sama seperti orang-orang lain.

Dalam upacara dan adat istiadat yang diadakan di Istana, kedudukan pembesar-pembesar dan datuk-datuk diteruskan mengikut aturan yang ditetapkan. DYMM Yang di Pertuan Besar dan Tuanku Ampuan memang telah dikhaskan menduduki Takhta Rencana. Di sebelah kanan DYMM ialah Tunku Besar dan Tunku Panglima Besar; di

⁵⁶ Ibubapa di sini bermaksud Buapak.

⁵⁷ J.J. Sheehan & Abd. Aziz Khamis, Adat Kuala Pilah., h.197.

⁵⁸ Ini bermakna Lembaga itu akan dilucutkan jawatannya.

sebelah kiri DYMM diduduki oleh Tuanku Laksamana dan Tunku Muda Serting. Duduk di sebelah kanan bawah Takhta Rencana ialah Datuk Seri Amar di Raja dan Datuk Raja Dewangsa; manakala di bahagian kiri dikhaskan untuk Datuk Penghulu Dagang dan Datuk Akhir Zaman. Peraturan kedudukan pembesar-pembesar dan datuk-datuk tersebut adalah tetap dan tidak boleh diubah-ubah dalam setiap adat istiadat yang hendak dijalankan.⁵⁹

Kecuali mengenai peraturan-peraturan Lembaga dan pembesar Adat dalam masyarakat dan juga Istana, pantang larang atau tegahan juga dikenakan kepada mereka. Oleh kerana seseorang pemimpin itu merupakan ketua masyarakatnya, ada beberapa tegahan yang dikenakan kepadanya demi untuk menjaga mertabat serta nama baik anak buahnya secara umum. Antaranya, mereka tidak boleh memerahkan muka iaitu tidak boleh lekas marah, iaitu sebaliknya hendaklah ia bersabar menghadapi sebarang masalah. Mereka juga tidak boleh menghentam tanah iaitu bercakap dengan suara yang keras serta menunjukkan tingkahlaku yang biadap atau kurang sopan kerana sifat-sifat tersebut adalah bertentangan dengan prinsip muafakat dalam adat.⁶⁰

Larangan-larangan selanjutnya ialah seperti tidak

⁵⁹ Temubual dengan Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof di Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti pada 23.7.1986.

⁶⁰ Nordin Selat, Sistem Sosial., h.25

boleh sama sekali menyinsing lengan baju; tidak boleh berlari-lari anak; tidak boleh memanjat tanpa tangga; tidak boleh menjunjung sesuatu di atas kepala; tidak boleh mengangkat barang dengan mengandar; dan akhir sekali tidak boleh berbual-bual di bawah anjung atau serambi rumah.⁶¹ Larangan-larangan tersebut adalah semata-mata untuk menjaga taraf pemimpin kerana sebagai pemimpin ia harus bertingkahtlaku penuh tertib dan lebih manis dari kelakuan anakbuahnya.

Pada keseluruhannya struktur golongan pemerintah masyarakat Seri Menanti amat Kompleks. Seseorang pemimpin dalam Adat Lingkungan itu bukan sekadar bertanggungjawab terhadap anakbuahnya tetapi juga bertanggungjawab terhadap hal ehwal adat istiadat dalam Istana. Dengan itu sudah pastilah tugas dan peranan mereka agak meluas dan penting untuk menggerakkan jentera pentadbiran dengan sempurnanya. Bagi Masyarakat Seri Menanti, pemimpin merupakan sumber pertolongan dan tempat pergantungan seperti kata perbilangan adat:

Pohon rendang di tengah padang
Batangnya untuk bersandar
Dahannya untuk bergantung
Buahnya untuk dimakan
Daunnya untuk berlindung.

Justeru itu kerjasama antara pemimpin dan masyarakat yang dipimpin tidak dapat dipisahkan dalam mewujudkan situasi yang harmonis demi kepentingan dan kesejahteraan bersama.

⁶¹
ibid.

SUMBER AWALAN

Buku Cenderamata Perkahwinan Diraja Negeri Sembilan 1969
YAM Tunku Dara Naquiah puteri DYMM Yang di Pertua Besar
dan Yang Maha Mulia Tunku Ampuan dengan Yang Mulia Tunku
Muzaffar Putera Yang Mulia Tunku Kecil Besar Mustapha
ibni Tunku Besar Burhanuddin.

Enakmen Pemegang Adat Bab 215, Terjemahan Pengarah Tanah
dan Galian, N. Sembilan, 1909.

Enakmen Pemegang Adat (Tanah Lingkungan), Terjemahan
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan, 1960.

Jabatan Ukur, Seremban Negeri Sembilan.

Tunku Abdullah (Tunku Panglima Besar), Laporan daripada
Jumaah Istiadat Istana, 7 Januari 1972.

SUMBER PENDUA

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di
Malaysia, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1975.

Abdul Rahman Mohammad, Dasar-Dasar Adat Perpatih,
Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.

Abdul Samad Idris (ed), Takhta Kerajaan Negeri
Sembilan, N.S. Malay Coop, Seremban, 1961.

_____, Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968.

_____, Hubungan Minangkabau Dengan Negeri
Sembilan Dari Segi Sejarah Dan Kebudayaan, Pustaka Asas Negeri, 1970.

Ali Ahmad, "Pimpinan Dalam Masyarakat Melayu", dalam
Pemimpin Dan Pimpinan, penyusun Hamka,
Pustaka Melayu Baru dan Pustaka Budaya Agency,
Kuala Lumpur, 1973.

Banton, Micheal, Role and Introduction to the Study of
Social Relations, Taviztok Publiction Ltd., London,
1965.

Busha Muhammad, Asas-asas Hukum Adat (suatu
Pengantar), Pradnya Paramita, Jakarta, 1983.

Buyong Adil, Sejarah Negeri Sembilan, (DBP), Kuala
Lumpur, 1981.

- De Moubray G.A de C, Matriarchy In The Malay Peninsular And Neighbouring Countries, George Routledge & Son Ltd, London, 1931.
- Djaren Saragih S,H, Pengantar Hukum Adat Indonesia, Penerbit Tarsito, Bandung, 1980.
- Duke, James T, Conflict and Power in Social Life, Brigham Young University Press, Provo (Utah), 1976.
- Duncan, Mitchell G. (ed.) A Dictionary of Sociology, Routledge & K. Paul, London, 1968, .
- Goulet, Denis A, The Cruel Choice : A New Concept in the Theory of Development, Atheneum, New York, 1971.
- Gullick, J.M, Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, trans., DBP, Kuala Lumpur, 1981.
- Hooker, M.B, Adat Laws In Modern Malay, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
- Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan : Socio-political Structure In Indonesia, Martinus Nijhoff's-Gravenhage, Den Hang, 1980.
- Linton, Ralph, The Study of Man : An Introduction, Peter Owen, London, 1936.
- M. Rasjid Manggis (Dt. Radjo Penghulu) Minangkabau: Sejarah Ringkas dan Adatnya, Sri Dharma, Padang, 1970.
-
- , (De. Radjo Penghoeloe), Negeri Sembilan Hubungannya Dengan Minangkabau (Payong Terkembang), Pustaka Sa'adijah, Bukit Tinggi, 1970.
- Maciver, R.M, & Page, Charles H., Masyarakat : Satu Analisa Permulaan, trans. Kuala Lumpur 1972.
- Mochtar Naim, Merantau : Pola Migrasi Suku Minangkabau, Gadjra Mada University Press, Yogyakarta, 1979.
- Mohtar Md. Dom, Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia, Federal Publication Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1977.
- Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, Penerbit Bulan Bintang, Djakarta, 1971.

- Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1982.
- _____, "The Concept of Leadership in Adat Perpatih Renungan", penyusun Nordin Selat, Utusan Publications & Distributions Kuala Lumpur, 1978.
- Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat, DBP, Kuala Lumpur, 1982.
- Rusli Amran, Sumatera Barat Hingga Plakat Panjang, Penerbit Sinar Harapan, Jakarta, 1981.
- Sejarah Raja-Raja dan Adat Istiadat Negeri Sembilan (Tiada nama Pengarang dan Penerbit) Arkib Diraja, 29hb April 1898.
- Soerjono Eoekanto, Kedudukan dan Peranan Hukum Adat di Indonesia, Penerbit Kurnia Esa, Jakarta, 1982.
- Soleman Biasane Taneko S.H., Dasar-Dasar Hukum Adat dan Ilmu Hukum Adat, Penerbit Alumni, Bandung, 1981.
- Theodorson, George A & Theodorson, Achilles G, A Modern Dictionary of Sociology, Methuen & Co Ltd, Great Britain, 1970.
- Ting Chew Peh, Konsep Asas Sosiologi, DBP, Kuala Lumpur, 1979.
- Van Dijk, Pengantar Hukum Adat Indonesia, Penerbit Sumur Bandung, 1982.
- Winstedt, R.O, The Malays A Cultural History, Routledge & Keagan Paul Ltd., London, 1961.

JERNAL/MAJALLAH

Abdullah bin Abdul Rahman, "Latihan Pengurusan Untuk Kepimpinan", "Analisa Belia", Jurnal Majlis Belia Malaysia, Bil. 1, 1983.

Abdul Ghani Shahmaruddin, "Lain Padang Lain Belalang, Lain Lubuk Lain Ikan", "Dewan Masyarakat", Jil. II, bil.3, Mac 1964 .

, "Adat Perpatih Negeri Sembilan Patutlah dikaji Dengan Teliti", Dewan Masyarakat, Jil. 1, bil.1, Jun 1964.

Abdul Kadir Yusof, "Keaslian Adat Perpatih : Menghadap cabaran Dunia Moden", Pusaka, Jil.1, Bil.1 Mach 1965.

Ali Majod, "Raja Melewar Sebagai Yamtuan Negeri Sembilan Yang Pertama", Pusaka, Jil.1, Bil.1, Mac 1965.

Aneka Minang, No.6, Terbitan Yayasan Aneka Minang, Jakarta, Mei 1972.

Azahari Ismail, "Kepimpinan Masa Kini dan Hadapan : Suatu Pemerhatian Tentang Konsep Peranannya", Analisa Belia, Jurnal Majlis Belia Malaysia, bil.1, 1983.

H.M. Dahlan, "Adat Dalam Masyarakat Melayu", Ilmu Masyarakat, Persatuan Sains Sosial Malaysia, 1983.

Hooker, M.B, "The Relationship Between The Adat And State Constitutions of Negeri Sembilan", JMBRAS, Vol.42, Pt.2, 1969.

Jamaluddin b. Abdullah "Adat Menyerah", Mastika, Jan. 1958.

Lister, Martin, "The Negeri Sembilan, Their Origin and Constitution" "JSBRAS", Vol. XIV, 1887.

Lokman Yusof, "Islam and Adat: As Seen In Land Inheritance" "Intisari", Vol.1, No.4, MSRI, Singapore, 1963.

Md. Sharif FH "Tanah Pesaka Adat di Negeri Sembilan Sepintas lalu", warisan, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, 1983.

Mohd. Din bin Ali, "Malay Customary Law/Family", Intisari, Vol.11, Pt.2.

- Nathan, J.E & Winstedt, (ed. Wilkinson R.J), "Johol, Ulu Muar, Jempol, Gunong Pasir & Terachi : Their History and Constitution", PMS, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.
- Norazit Selat, "Konsep Tanah Dalam Masyarakat Melayu," Dalam Malaysia Dari Segi Sejarah, Journal Persatuan Sejarah Malaysia, No.10, 1981.
- Parr, C.E.C & Mackray, W.H, "Rembau, One of the Nine States, its History, Constitution and Customs", JSBRAS, Vol.LVI, 1910 .
- Seers, Dudley "What Are We Trying To Measure", The Journal of Development Studies, Vol.8 .
- Shamsul Amri Baharuddin, "Kepimpinan Melayu : Jenis, Pola dan Peranan," Dewan Masyarakat, Jil. xv, Bil. 1, Jan 1977 .
- Sheehan J.J. dan Abdul Aziz Khamis, "Adat Kuala Pilah" , JMBRAS, Vol. 14, pt.3, Dec 1936 .
- Syed Husin Ali, "Patterns of Rural Leadership In Malaya", JMBRAS, Vol. XLI, Pt.1, Singapore, July 1968 .
- Taha Abdul Kadir, "Negeri Sembilan Daerah Rantau Minangkabau yang melepaskan diri dari ikatan Daerah Induknya," Warisan, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, 1983 .
- Wilkinson, R.J (ed), "Note on The Negeri Sembilan", PMS, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971 .
- _____, "Seri Menanti", PMS, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.
- Winstedt, R.O, "A History of Negeri Sembilan", JMBRAS, Vol. 12, Pt.3, 1934.
- _____, "The Minangkabau Polity" JMBRAS, Vol.12, Pt. II, 1934.

KERTAS KERJA/SEMINAR

Abbas bin Ali, "Sebahagian Dari Dasar Adat (Tinjauan Secara Umum)" , K/K Seminar Pensejarahan & Adat Perpatih anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, 10-12 April 1974 .

Ariffin Haji Zainal, "Motivasi dan Perlakuan Kerja di dalam Organisasi", Jabatan Penerangan Malaysia, 1981.

M.Rasjid Manggis (Dt.Radjo Penghoeloe), "Hubungan Sejarah Negeri Sembilan ke Minangkabau", seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau, Padang, 1970 .

Taha Abdul Kadir, "Masyarakat Adat Perpatih Kontemporari di Negeri Sembilan dalam Menghadapi Perubahan Sosio-ekonomi", Seminar Internasional Mengenai Kesusasteraan Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau, Bukit Tinggi, 1980.

LATIHAN ILMIAH

Azizah Kassim, "Kedudukan Wanita Di dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan", Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.

Mazenah bte. Piei, Peranan Ketua Adat Dalam Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Persuratan Melayu, UKM, 1982.

SENARAI RESPONDEN

- Nama : Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof
 T. Lahir : 1910
 Alamat : Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti,
 N. Sembilan.
 Jawatan : Orang Empat Istana dan Lembaga Suku Tanah
 Datar Lingkungan Air Kaki dengan gelaran
 Datuk Penghulu Dagang.
 Pengalaman : Sebelum beliau memegang jawatan Orang
 Empat Istana dan Lembaga, beliau pernah
 bekerja menjadi "budak suruhan" di Istana.
 Kemudian beliau dilantik sebagai Orang
 Empat Istana dan Lembaga pada tahun 1934
 iaitu semasa pemerintahan DYMM Yang
 di Pertuan Besar N. Sembilan kelapan
 Almarhum Tuanku Abdul Rahman.
- Nama : Datuk Panglima Jaya Hassan bin Salleh
 T. Lahir : 1916
 Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti, N. Sembilan.
 Jawatan : Buapak Suku Tiga Batu Lingkungan Kampung
 Buyau.
 Pengalaman : Beliau pernah memegang jawatan Besar Waris
 Kampung Buyau dengan gelaran Datuk
 Palembang antara tahun 1937 hingga 1967.

Beliau di angkat menjadi Buapak atas kebulatan anak-anak buah kampung tersebut bagi menggantikan Datuk Panglima Jaya Maasar yang telah meninggal dunia pada tahun 1967.

Nama : Tuan Haji Ibrahim bin Jaafar
 T. Lahir : 1919
 Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti, N. Sembilan.
 Pengalaman : Beliau pernah menjawat jawatan Pegawai 99 dan Besar Waris bagi suku Tanah Datar Lingkungan Air Kaki dengan Gelaran Datuk Seri Maharaja pada tahun 1965 hingga 1983.

Nama : Datuk Besar Meon bin Abu Bakar
 T. Lahir : 23.3.1903
 Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti, N. Sembilan.
 Jawatan : Apit Lempang Orang Empat Istana dan Lembaga Suku Tiga Batu Lingkungan.
 Pengalaman : Beliau pernah menjadi Pegawai 99 dan Besar Waris Suku Tiga Batu Kampung Buyau antara tahun 1922 hingga 1934 dengan gelaran Datuk Perdana. Pada tahun 1934 beliau di angkat menjadi Buapak dengan gelaran Datuk Panglima Jaya. Semasa pemerintahan Almarhum Yamtuan Tuanku Abdul Rahman beliau telah dilantik sebagai Apit Lempang Orang Empat Istana dan Lembaga Suku Tiga Batu iaitu pada 23.9.1937.

Nama : Tuan Haji Mohd. Nor bin A. Hamid
 T. Lahir : 1929
 Alamat : No. 44, Bt. 26 1/2, Jalan Bahau, Kuala
 Pilah N. Sembilan.
 Pengalaman : Beliau pernah menjawat jawatan Settlement
 Officer merangkap Penolong Pemungut Hasil
 Tanah Kuala Pilah. Beliau telah bersara
 dari jawatan tersebut pada tahun 1983.

Nama : Encik Shamsuddin bin Husin
 T. Lahir : 1907
 Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti, Negeri
 Sembilan.
 Pengalaman : Beliau pernah memegang jawatan Orang
 Besar di Istana dengan gelaran Datuk
 Kanda Maharaja serta Besar Waris Suku
 Batu Hampar antara tahun 1940 hingga
 1986. Sebagai Datuk Kanda Maharaja
 beliau ditugaskan sebagai pemegang
 Pedang Sebarau Bujang dalam setiap
 upacara perarakan di raja semasa di atas
 Takhta Rencana.

Nama : Yang Amat Mulia Tunku Alang Astor bin
 Tunku Sharif
 T. Lahir : 29.9.1921

- Jawatan : Anak Raja Bergelar Merangkap jawatan
Penyelia Adat.
- Pengalaman : Beliau telah dilantik sebagai Penyelia
Adat pada tahun 1976 oleh DYMM Yang
di Pertuan Besar Tuanku Jaafar. Sebagai
Penyelia Adat, beliau memainkan peranan
penting dalam setiap upacara perlantikan
pemimpin Adat Lingkungan khususnya
Lembaga, Orang Empat Istana dan Buapak.

APPENDIX I

Konsep Pusaka Adat

Mengikut Adat Perpatih, meskipun hakmilik mewarisi tanah pusaka adat ditentukan kepada pihak perempuan, tetapi ia sebenarnya adalah untuk menjamin tanah tersebut menjadi hak waris yang berterusan sehingga pada masa-masa akan datang. Walaupun dikatakan hakmilik diberi kepada perempuan tetapi mereka hanya mempunyai kuasa hak pakai sahaja, "genggam yang berumpuk" tidak boleh dijual atau digadai. Harta itu tetap kepunyaan suku.

Takdirnya meninggal seorang ibu, tanah pusaka adatnya akan berpindah milik kepada anak perempuan dan apabila anak itu meninggal pula tanah itu akan berpindah milik kepada anak perempuan juga dan demikianlah seterusnya. Jika simati tiada mempunyai anak perempuan, harta itu akan berpindah pula kepada waris perempuan yang dekat. Jika tiada kadim yang dekat maka baharulah berpindah pula kepada kadim yang jauh dalam suku itu, sebagaimana menurut kata perbilangan adat:

bermula kepada waris nan sejengkal
kemudian waris nan sehasta
lepas itu barulah waris nan sedepa.

Sekiranya masih tidak ada waris perempuan yang layak ataupun tidak ada siapa lagi yang berhak menerima dalam suku itu maka tanah tersebut dipulangkan kepada Penghulu atau Undang dan dinamakan 'pusaka tergantung'.

Walaupun anak lelaki dikatakan tidak menuntut tanah pusaka adat, tetapi ia boleh mengambil hasil dari tanah itu selama hayatnya terutama apabila ia tidak mempunyai saudara perempuan. Malah dalam keadaan-keadaan tertentu adalah dibenarkan jika ia (anak lelaki) meminta namanya ditulis di bahagian belakang geran tanah tersebut sebagai pemakan hasil. Tetapi apabila ia meninggal dunia, tanah itu secara automatik kembali semula kepada sekadim perempuan yang mempunyai hakmilik ke atas tanah tersebut.

Kelonggaran ini adalah merupakan satu jaminan hidup kepada saudara lelaki sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini pada masa tuanya seperti kematian isteri atau jatuh miskin sehingga tidak ada tempat hendak bergantung. Dalam masyarakat adat, saudara lelaki itu tidak akan terbuang atau diabaikan oleh saudara perempuan sebagaimana menurut kata perbilangan adat:

Saudara lelaki itu cicir dipungut
hilang dicari
rugi-laba isteri yang punya
nyawa darah waris yang punya
sebusuk-busuk daging
dibasuh dikincah dimakan jua.

Sumber : Md. Sharif FH, "Tanah Pesaka Adat di Negeri Sembilan Sepintas lalu", Warisan, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, 1983, h.14-16.
Norazit Selat, "Konsep Tanah Dalam Masyarakat Melayu", dalam Malaysia Dari Segi Sejarah, Journal Persatuan Sejarah Malaysia, No.10, 1981, h.32-33.

APPENDIX II

Konsep Salah-Salahan Dalam Adat

1. Adat Merumah

'Merumah' ialah jalan keluar bagi lelaki yang menyukai seorang perempuan tetapi "pihak perempuan" tidak suka menerima lamarannya. Pihak lelaki naik ke rumah (atau dalam bilik) dan memegang tangan perempuan yang dihajati. Dia akan tetap tinggal dibilik atau membawa perempuan itu ke luar serambi. Saudara mara kepada perempuan itu akan tetap mahu perempuan itu diserahkan kembali dengan mengemukakan berbagai-bagai tuntutan. Jika si Lelaki sanggup memenuhi tuntutan-tuntutan yang diminta dan berjaya dalam usahanya tidak mahu memulangkan sigadis, barulah ia boleh dikahwinkan. Ibu si gadis itu mesti mengadakan upacara perkahwinan pada hari itu juga. Tetapi jika si lelaki itu kalah maka terpaksa ia membayar adat dan turun dari rumah gadis berkenaan.

2. Adat Menyerah

Si lelaki datang ke rumah perempuan yang diinginiya itu dengan beberapa orang (biasanya 5 atau 6 orang). Tetapi lelaki yang datang dengan rombongannya ini hanyalah sampai diserambi atau di ruang luar rumah perempuan itu dan tidak terus masuk ke bilik perempuan itu seperti mana yang berlaku dalam 'merumah'.

Sumber : Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Papatih, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1982, h.128.
Jamaluddin b. Abdullah, "Adat Menyerah", Mastika, Jan. 1958, h.16-18.

APPENDIX III

Hukum Tentang Perkahwinan

Dalam adat Perpatih kahwin sesuku merupakan kesalahan besar dan ini dinamakan 'sumbang'. Ada dua jenis sumbang. Pertama adalah sumbang sewaris iaitu berkahwin sesuku tetapi berlainan perut. Kedua ialah sumbang sekedim yang merupakan sebesar-besar kesalahan iaitu berkahwin 'dalam perut' sendiri. Sumbangan sekedim ini dikenali juga sebagai 'sumbang balai melintang'.

Sumber : Lihat Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1982, h.125.

APPENDIX IV

Konsep Harta Dalam Adat.

Ada empat jenis harta:

1. Harta Pusaka [adat]

Harta pusaka ialah harta yang diwarisi oleh waris perempuan sesuatu suku mengikut jurai keturunan ibunya. Biasanya harta ini berbentuk tanah kampung, dusun, sawah dan rumah. Hak milik asal adalah dari nenek moyang mereka. Mengikut perbilangan adat:

Terbit pusaka kepada saka
Si lelaki yang menyandang pusaka
Si perempuan punya pusaka
Orang semenda yang membela.

2. Harta Pembawa

Harta pembawa ialah hak milik si lelaki yang dicari semasa bujang atau harta pemberian dari keluarganya sebelum ia mendirikan rumahtangga. Dikenali juga sebagai 'harta carian bujang'.

3. Harta Dapatan

Harta dapatan ialah harta yang sedia dimiliki oleh pihak perempuan sebelum ia mendirikan rumahtangga.

4. Harta Sepencarian

Harta sepencarian ialah harta yang dapat diusahakan bersama-sama keduanya (suami isteri) setelah mendirikan rumahtangga.

Sumber : Mohd Din bin Ali, "Malay Customary Law/Family", Intisari, Vol.11, Pt.2, h.36-37.
Lokman Yusof, "Islam and Adat - as seen in land inheritance", Intisari, Vol.1, No.4, MSRI, Singapore, 1963, h.17-18.

APPENDIX V

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 9 ENAKMEN TANAH LINGKUNGAN

Notis adalah dengan ini diberi bahawa
 dari menuntut bahawa ia berhak kepada
 bidang tanah, yang mana butir-butir hak
 milik adalah seperti berikut:

NO.	E.M.R	No. Lot	Mukim	Keluasan
-----	-------	---------	-------	----------

.....
 dan telah memohon kepada saya untuk membuat perintah
 bahawa dia adalah berhak.

Mana-mana orang yang mempunyai apa-apa bantahan
 terhadap perintah tersebut hendaklah membuat bantahan
 tersebut di Pejabat Tanah Kuala Pilah pada atau sebelum
 hb 19....

Tiada bantahan akan diterima selepas tarikh
 tersebut.

Pemungut Hasil Tanah,
 Kuala Pilah.

Sumber : Enakmen Pemegang Adat (Tanah Lingkungan) 1960,
 trans., Pengarah Tanah dan Galian, Negeri
 Sembilan.

APPENDIX VI

ATURAN DI ATAS TAKHTA RENCANA

- a. Pengantin Diraja berdua
- b. Datuk Kanda Maharaja memegang Pedang Sebarau Bujang
- c. Datuk Panglima Gajah memegang Payung Kuning
- d. Datuk Bentara Perempuan memegang kipas keemasan
- e. Datuk Mangku memegang Keris Panjang

ATURAN HADAPAN TAKHTA RENCANA

- a. Pasukan Rebana dan Pencak Silat
- b. Juak-juak dan Pegawai-pegawai memegang alat-alat
Kebesaran
- c. Datuk-datuk Penghulu Luak Tanah Mengandung
- d. Orang Empat Istana
- e. Datuk Bentara Dalam

ATURAN KIRI DAN KANAN TAKHTA RENCANA

- a. Datuk-datuk Pegawai Yang Enam memegang keris dan
pedang
- b. Datuk-datuk Apit Lempang
- c. Orang-orang Besar Lingkungan

ATURAN BELAKANG TAKHTA RENCANA

- a. Yang Amat Mulia Putera Yang Empat
- b. Anak-anak Raja Bergelar, Putera-putera dan Puteri-puteri Raja Negeri Sembilan
- c. Datuk Pegawai memegang Alat-alat Kebesaran
- d. Rakyat

Sumber : Buku Cenderamata Perkahwinan Diraja Negeri Sembilan 1969 antara Yang Amat Mulia Tunku Dara Naquiah puteri DYMM Yang di Pertuan Besar dan Yang Maha Mulia Tunku Ampuan dengan Yang Mulia Tunku Muzaffar putera Yang Mulia Tunku Kecil Mustapha ibni Tunku Besar Burhanuddin.

APPENDIX VII

LARANGAN DI RAJA KEPADA RAKYAT

1. RUMAH-RUMAH YANG DILARANG

- a. Papan Gendung Berdaun Budi - papan gendeng iaitu yang dibuat di antara atap bumbungan dengan atap serambi yang berukir-ukir awan larat; berdaun budi bermaksud satu jenis ukiran.
- b. Gajah Menyusu - Anjong rumah yang bertingkat.
- c. Naga-naga - Tunjak langit yang dua lapis di kiri dan kanan rumah, tabir layarnya dipasang condong ke dalam.
- d. Puyuh berlaga - Hujung serambi dan pangkal serambi bertingkat (tinggi dari lantai).
- e. Pintu Sepak - Tudung pintu yang dibuat dua lapis.
- f. Pintu di tengah-tengah rumah - biasanya rumah orang kebanyakan pintunya dibuat agak sebelah tepi sedikit.
- g. Serambi berkeliling - Rumah yang dibuat serambi keliling rumah.
- h. Panjang Serong atau Kambing berlaga, juga dipanggil bendul mancung - hujung bendul yang dikerat serong.
- i. Gajah Berjuang - Anjong rumah yang dibuat bertingkat dan bertentangan dengan dapur yang juga dibuat bertingkat.
- j. Lebah Mengirap - Dinding Serambi yang sebelah atas dibuat kisi-kisi.
- k. Selasar Kuah - Pepalas yang dibuat di hadapan rumah, dibuat pula tempat duduk yang bertingkat-tingkat dan digunakan sebagai tempat tarian inai masa perkahwinan.
- l. Tangga Gantung - Tangga yang dibuat dalam rumah untuk naik atas peran atau tingkat atas.

- m. Tangga Bertingkat - Tangga yang terletak di atas lantai rumah.
- n. Rumah Tangga - tangga yang dibuat rumah sebagai anjong.
- o. Mahligai - rumah yang besar menyerupai Istana.
- p. Gerai atau Geta Bertingkat - tempat tidur yang dibuat bertingkat-tingkat berhampiran dan rapat dengan katil.
- q. Dapur Bandung - rumah dapur yang dibuat dua buah bangunan bersambung.
- r. Rumah Melintang - rumah yang didirikan tidak mengadap ke sungai atau melintang alur air.
- s. Rumah bertingkat - rumah yang dibuat dua atau tiga tingkat atau lebih.
- t. Sawa Melampai - tabir layar yang berukir-ukir atau bertirai-tirai awan larat.
- u. Lengkiang (rumah Kepok) - rumah kepok yang dibuat silang gunting.
- v. Pintu Gerbang - pintu gerbang yang dibuat di pintu pagar.
- w. Gunung Bertingkat - tempat duduk Undang atau Penghulu yang dipanggil 'Raja di Muda' di buat dari tilam dan dibelakangnya pula ada dibuat rangka yang berupa pucuk rebung.

2. PAKAIAN

- a. Pakai Sebolong - Pakaian yang satu warna, misalnya warna hitam dari songkok atau destar hingga baju, seluar dan kain samping. Pakaian hitam ini hanya tertentu kepada Datuk-datuk yang berjawatan sahaja. Pakaian yang serba putih tertentu bagi alim ulama yang dilantik oleh raja untuk memegang satu-satu jawatan seperti Kadhi, Imam dan seumpamanya.
- b. Pakaian Kuning - Kuning di sini adalah kuning kunyit yang dikhaskan bagi anak-anak Raja sahaja.

- c. Bulang Luar - Bersamping baju ke dalam, disisipkan tumbuk lada atau badik di pinggang.
- d. Tanam Tebu - Memakai keris atau tumbuk lada di hadapan perut (lurus pusat). Sekiranya ada yang memakainya begini beerti memanggil jantan orang (meminta lawan).
- e. Menyelampai - Memakai kain sarong atau samping yang diselampaikan kebahu atau diselendangkan.
- f. Memakai Keris Berpedongkok - Hulu keris atau tumbuk lada atau diujung sarungnya bertatah dengan emas atau perak.
- g. Tikar Belangkat - Tikar yang dibuat berlapis-lapis dan bertatah dengan emas atau perak di sudutnya (tikar belangkat ini ada yang tiga, lima dan tujuh lapis).
- h. Destar Bertatah - Destar yang bertampuk-tampuk emas atau perak.
- i. Destar Berkaki (Destar Bendahara Pulang Mandi) - Destar yang hujung kainnya diselitkan ke bawah.
- j. Destar Selok Timba - Destar yang hujungnya (pucuknya) keluar ke atas empat pucuk.
- k. Chaping perak - Alat penutup kemaluan.
- l. Terapang bertutup ulu - Di pangkal ulu keris atau tumbuk lada bertutup emas atau perak; begitu juga di sarungnya, ini dipanggil terapang.
- m. Larangan memasuki kota Istana - dilarang memasuki Istana dengan menyandang kain, mengembang payung, tidak bersamping, tidak berdestar atau bersongkok dan menaiki kenderaan.

3. LARANGAN-LARANGAN LAIN

- a. Kerbau jantan baduk - Kerbau yang tanduknya bengkok ke bawah lepas dari telinga.

- b. Kerbau jantan sampaian kain - Kerbau yang tanduknya lurus kiri kanan atau salah satu darinya.
- c. Kerbau jantan sinar matahari - Kerbau jantan yang tanduknya mengadap ke hadapan dan kepala atau tanduknya berwarna merah.
- d. Kerbau bungal ganteh - Kerbau yang hujung tanduknya menyerupai seperti buah.
- e. Kerbau Changgai Puteri - Kerbau yang kukunya lentik.
- f. Kerbau buluh seruas - Kerbau yang kukunya tidak pecah.
- g. Kerbau Sopak muncung - Kerbau yang putih warna muncungnya.
- h. Kerbau Bintang - Kerbau yang bertompok-tompok putih di badannya seolah-olah menyerupai bintang.
- i. Kerbau Bara Api - Kerbau yang merah kulitnya seperti kain kesumba.
- j. Kerbau Kumbang Berteduh - Kerbau yang besar di bawah pangkal ekornya. Kerbau ini juga dipanggil kerbau 'Sumbat Labu'.
- k. Kerbau Pangkah Kening - Kerbau yang ada warna putih melintang di keningnya.
- l. Kerbau Berpunca Ekor - Kerbau yang ada warna putih di hujung ekornya dan ekornya panjang sepanjang.
- m. Kerbau Tepok Lalat - Kerbau yang kembang bulu di hujung ekornya.
- n. Kerbau-kerbau yang menyalahi adat Kerbau - iaitu kerbau-kerbau yang luar biasa.

Semua kerbau-kerbau yang sifatnya seperti yang tersebut di atas jika ada dimiliki oleh rakyat hendaklah diserahkan kepada Raja. Adalah menjadi tanggungjawab Buapak dan Datuk-datuk Lembaga mengawasi anak-anak buahnya yang ada memiliki kerbau-kerbau tersebut supaya dipersembahkan kepada pengetahuan Yamtuan.

Sumber : Abdul Samad Idris, Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, N.S. Malay Co-op, Seremban, 1961, h.126-127 dan 129-133.

R.J. Wilkinson, "Seri Menanti", PMS, FMS, Kuala Lumpur, 1914, h.46-48.

APPENDIX VIII

ISTIADAT MERENJIS AIR SELAMAT


Dimulakan oleh;

1. Duli-duli Yang Maha Mulia Yang Di-pertuan Besar dan Tunku Ampuan Negeri Sembilan.
2. Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Di Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.
3. Yang Maha Mulia Tunku Puan Besar Tunku Kurshiah.
4. Yang Maha Mulia Tengku Puan Durah.
5. Yang Amat Mulia Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin.
6. Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Tanah Melayu dan Brunei atau Wakil-wakilnya.

Dan dituruti oleh Anak-anak Raja dan Datuk-datuk yang telah diatur oleh Orang Empat Istana dan Istiadat ini diakhiri oleh mereka sendiri.

Sumber : Dipadankan dari Buku Cenderamata Perkahwinan Diraja Negeri Sembilan 1969 antara Yang Amat Mulia Tunku Dara Naquiah puteri DYMM Yang di Pertuan Besar dan Yang Maha Mulia Tunku Ampuan dengan Yang Maha Mulia Tunku Muzaffar Putera yang Mulia Tunku Kecil Besar Mustapha ibni Tunku Besar Burhanuddin.


Peta I



Peta Negeri Sembilan

Sumber: Jabatan Ukur Seremban,
Negeri Sembilan.


Peta 2




Peta Mukim Sri Menanti

Sumber: Jabatan Ukur Seremban,
Negeri Sembilan.

PETA 3 LUAK TANAH MENGANDUNG
(ULU MUAR, JEMPOL, TERACHI DAN GUNUNG PASIR)



SUMBER: MB. HOOKER, ADAT LAWS IN MODERN
MALAYA, KUALA LUMPUR OXFORD UNIVERCITY
PRESS 1972, h, 124



Gambar 2 : Orang Empat Istana, diambil pada 1980
Dari Kiri : Datuk Seri Amar Diraja Sujud, Datuk Akhir Zaman Abdul Rahman,
Datuk Raja Dewangsa Yunus dan Datuk Penghulu Dagang Adam.
Sumber : Arkib Negara, Kuala Lumpur.